



PWDC
Penang Women's Development Corporation

SIDANG WANITA PULAU PINANG 2020

66

*Pemimpin Wanita Perintis,
Pelopor Sejarah Baharu Malaysia*

99




Peranan dan Keahlian Dewan Undangan Negeri

Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya, DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

Sumber : Laman Sesawang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.



Isi Kandungan

Perutusan YAB Tuan Chow Kon Yeow	1
Perutusan YB Dato' Law Choo Kiang	2
Perutusan YB Puan Chong Eng	3
Perutusan YB Puan Kasthuriraani Patto	4
1.0 Pengenalan	
• Ringkasan Eksekutif	7
• Objektif	10
• Impak	10
• Perjalanan Program	11
• Sidang Media	12
2.0 Perjalanan Proses Persediaan dan Pemilihan Perwakilan	
• Jelajah Daerah	15
• Bengkel Persediaan	22
• Pemilihan Akhir	31
• Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis	32
• Taklimat Akhir	33
3.0 Sidang Wanita Pulau Pinang 2020	
• Sidang Wanita Pulau Pinang 2020	35
• Perwakilan Sidang Wanita 2020	43
• Infografik	63
• Jawatankuasa Petugas	65

Perutusan

Ketua Menteri Pulau Pinang



Dalam mengiktiraf perspektif dan peranan wanita, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bangga untuk menyatakan kita telah mendahului negeri-negeri lain serta melakar sejarah baharu yang tersendiri di Malaysia.

Melalui penubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada tahun 2011, pelbagai program dan gerak kerja telah dirangka dan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi bagi memastikan hal ehwal pembangunan wanita itu terus diangkat dan dimartabatkan, termasuklah penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2020.

Sesi sulung Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 dengan penyertaan 40 anggota persidangan yang telah berlangsung pada bulan Oktober tahun lalu merupakan acara bersejarah, sekali gus menghakis stereotaip lama terutama melibatkan penyertaan wanita dalam kancah hal ehwal politik serta pentadbiran negara.

Semua wanita terpilih berpeluang untuk merasai pengalaman baharu sebagai wakil rakyat yang mewakili konstituensi masing-masing dan memperoleh pendedahan tentang perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebenar. Mereka juga diberi peluang untuk membahaskan isu serta mengetengahkan idea bukan sahaja mengenai penglibatan masyarakat dalam hal kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita tetapi paling penting adalah untuk membina kepimpinan wanita dalam aspek pembangunan negeri dan tadbir urus yang baik.

Memandangkan program ini diterima baik dan berlangsung dengan jayanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk menjadikan Sidang Wanita Pulau Pinang ini sebagai acara tahunan.

Dengan komitmen ini, Pulau Pinang merupakan negeri yang paling progresif dalam usaha-usaha merapatkan jurang gender dalam sektor politik. Keyakinan ini berlandaskan kecemerlangan yang ditunjukkan peserta sepanjang program Sidang Wanita Pulau Pinang 2020. Ini memberi gambaran bahawa wanita di Pulau Pinang sudah bersedia untuk berganding bahu menerajui kepimpinan negeri dan negara.

Penyertaan aktif golongan wanita ini juga adalah selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dan *United Nations' Sustainable Development Goals : Leaving no one behind*.

Tahniah Kumpulan Perintis Wanita !

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Perutusan

Dato' Yang di-Pertua DUN



Salam Sejahtera !

Semasa Sidang Dewan Undangan Negeri pernah saya mengutarakan idea kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk mengadakan persidangan khas untuk wanita. Cadangan persidangan ini adalah dengan menggunakan format Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk dijadikan platform mencungkil dan mengasah bakat pemimpin wanita supaya mereka sedia melangkah ke peringkat yang lebih tinggi.

Siapa sangka, PWDC telah menyahut cabaran ini dan merealisasikan idea tersebut dengan memperkenalkan program Sidang Wanita Pulau Pinang 2020. Saya berasa amat berbangga kerana idea ini telah dikembangkan oleh PWDC dengan merangka satu program yang bersifat inklusif dan melibatkan pembelajaran, pembangunan kapasiti dan platform mengetengahkan bakat wanita.

Walaupun sebagai projek perintis sememangnya tidak mudah untuk dilaksanakan, namun saya kagum dengan perjalanan dan pencapaian Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 yang merupakan satu-satunya program khusus untuk wanita yang berjaya mensimulasikan DUN sepenuhnya. Sejarah yang telah terlakar bukan hanya di peringkat negeri, malah sidang ini merupakan yang pertama di Malaysia.

Pemimpin wanita yang terpilih telah memberikan komitmen penuh dan kesungguhan terhadap program ini. Hasilnya proses mensimulasikan DUN berjalan dengan sangat profesional dan berkualiti. Bermula dengan sesi perbahasan hingga ke sesi penggulungan dipenuhi dengan hujah-hujah padu yang mengangkat isu-isu rakyat. Peluang berbahas dimanfaatkan sepenuhnya oleh perwakilan untuk mengetengahkan isu-isu dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.

Saya berpandangan bahawa sidang ini telah mencapai satu tahap pencapaian yang tinggi dan berkualiti. Saya berasa amat berbangga dengan kehebatan dan kemahiran yang ditunjukkan oleh wanita di negeri ini.

Selaku Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya akan terus mendukung dan memberi komitmen penuh terhadap penganjuran program ini.

Tahniah dan syabas kumpulan perintis wanita atas kejayaan hebat ini !

YB Dato' Law Choo Kiang

Perutusan

EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam



Salam Sejahtera !

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam sentiasa komited dalam agenda pemerkasaan wanita. Saya amat berbangga kerana Pulau Pinang kini menjadi juara dalam agenda wanita. Tahun 2020 menjadi titik permulaan untuk wanita tampil dan bersuara di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan adanya Sidang Wanita Pulau Pinang.

Program ini membuktikan betapa Pulau Pinang komited untuk memastikan keberkesanan perlaksanaan Dasar Keterangkuman Gender dengan sasaran komposisi gender 40:40:20 iaitu 40% wanita, 40% lelaki dan 20% terbuka untuk wanita dan lelaki supaya tiada satu jantina mendominasi proses membuat keputusan.

Skor Indeks Jurang Gender Malaysia daripada Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan satu jurang besar dalam sektor politik negara ini. Jika diamati, nisbah penduduk mengikut jantina adalah sama antara lelaki dan wanita. Hakikatnya, jurang gender ini membuktikan ketidak seimbangan perwakilan dalam arena politik dan peringkat pembuat keputusan. Oleh itu, sidang wanita dirangka dan telah menjadi satu usaha kerajaan negeri untuk merapatkan jurang indeks tersebut.

Kini sidang wanita telah menjadi satu tanda aras dan juga platform untuk wanita menonjolkan bakat sebagai pemimpin. Selain itu, wanita juga berpeluang menyuarakan segala isu berkaitan, terutama hak dan kebajikan wanita dan keluarga. Ia juga menjadi satu lapangan bebas yang memberi ruang terbuka kepada wanita yang berminat dan berpotensi untuk membuktikan kebolehan diri dan mengetengahkan bakat mereka.

Agenda pemerkasaan wanita ini dijangka mampu untuk menyumbang kepada peningkatan perwakilan wanita dalam politik dan peringkat pembuat keputusan. Ingin saya tekankan di sini, kesaksamaan gender mestilah diamalkan pada setiap peringkat bagi memastikan tiada kumpulan yang terpinggir.

Sekalung penghargaan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua DUN, YB Dato' Law Choo Kiang atas sokongan padu dan komitmen yang diberikan terhadap program ini. Tahniah dan syabas buat Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) selaku agensi pengelola dan YB Puan Kasthuriraani Patto selaku Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita 2020.

Kepada para peserta perintis teruskan bersuara dengan lantang bagi mengangkat agenda wanita. Jangan berhenti di sini, manfaatkan pengalaman dan ilmu yang dipelajari demi kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan negara !

Wanita Agen Perubahan !

YB Puan Chong Eng

Perutusan

Pengerusi Jawatankuasa Petugas
Sidang Wanita Pulau Pinang 2020



"You may encounter many defeats, but you must not be defeated. In fact, it may be necessary to encounter the defeats, so you can know who you are, what you can rise from, how you can still come out of it." - Maya Angelou

Wanita adalah insan hebat yang mengemudi keluarga dan menguruskan rumah tangga malah boleh melakukan pelbagai kerja pada satu-satu masa. Maka kebolehan ini wajib digunakan untuk sama-sama tampil melakar kejayaan di luar sana. Sudah tiba masanya, wanita juga berperanan sebagai teraju utama kepimpinan, bukan berada di belakang tabir.

Mereka akan menjadi suara yang bukan sahaja mewakili diri sendiri, tetapi orang sekeliling mereka termasuk kanak-kanak, orang kelainan upaya dan warga emas serta wanita lain yang tidak berpeluang bersuara. Justeru, kita perlukan lebih ramai pemimpin wanita untuk tampil ke hadapan.

Kita mahu hapuskan streotaip wanita hanya di dapur atau pengurus rumah tangga semata-mata sedangkan komitmen terhadap keluarga menjadi tanggungjawab bersama. Kita juga tidak mahu pendidikan, pengalaman dan kemahiran yang mereka ada disia-siakan hanya kerana terikat dengan stigma lama.

Tiba masanya tanggapan salah ini diperbetulkan untuk memberi ruang kepada wanita menunjukkan kebolehan mereka. Jika ini dapat diubah, hasrat memperkasa peranan wanita dan kesaksamaan gender pasti terlaksana, sekurang-kurangnya jumlah wanita dalam DUN atau Parlimen akan bertambah walaupun sedikit.

Justeru, Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 muncul sebagai persediaan ke arah itu. Peserta persidangan ini akan disiapkan sebagai pemimpin berpakej yang boleh menjadi pengganti atau menambah kuota wanita sebagai pembuat keputusan dan penentu dasar penting.

Paling penting, gema suara wanita akan lebih kuat untuk memperjuangkan hak, kebenaran dan kebijakan sesiapa sahaja. Justeru, Sidang Wanita ini perlu diteruskan untuk menjadi platform melahirkan lebih ramai pemimpin berkaliber dan penuh dengan sifat juang.

Duhai wanita, ini masanya kita tunjukkan kuasa dan hak kita sebagai sebahagian daripada rakyat Malaysia. Siap siaga, kita berperang bersama-sama.

Buat semua yang bertungkus-lumus menjayakan sidang ini, sekalung penghargaan saya zahirkan. Anda pencetus perubahan demi kemajuan kita bersama. Terima kasih kepada YB Puan Chong Eng, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PWDC dan semua wakil rakyat yang sama-sama turun padang menjayakan program ini.

"Because I am a woman, I must make unusual efforts to succeed. If I fail, no one will say, "She doesn't have what it takes." They will say, "Women don't have what it takes." -Clare Boothe Luce

Jika tiada aral, kita jumpa lagi pada sidang akan datang.

YB Puan Kasthuriraani Patto



GAMAAN
IDER
AN
ILAN
SIAL

samaan
WDC
ngleads


OC.ORG.MY

my | PWDC

2835 / 261 5261

ment Corporation (PWDC)
A, 10503 Penang - Malaysia.





1.0 Pengenalan



Ringkasan Eksekutif

**Pengenalan Program Sidang Wanita Pulau Pinang Bersama
Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)**

Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 bukan sahaja pertama kali dianjurkan di Pulau Pinang malah di Malaysia. Bagaimanakah boleh tercetusnya idea penganjuran program ini?

Nisbah penduduk mengikut jantina di Malaysia adalah hampir sama. Namun, Indeks Jurang Gender Malaysia menunjukkan pencapaian lelaki 70% berbanding wanita 30% bagi ekonomi manakala jurang lebih besar dilihat pada aspek pemerkasaan politik. Bilangan wanita pada peringkat pembuat keputusan masih jauh berbeza dan kurang terutama penglibatan sebagai Ahli Majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen, Ahli Senator dan barisan eksekutif. Ini sesuatu yang perlu diambil cakna. Maka dari persoalan dan isu itulah, idea Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 ini tercetus. Malah ia telah dibangkitkan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) semasa Sidang DUN.

Di Pulau Pinang, daripada 40 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) hanya 15% wakil rakyat adalah wanita. Jurang gender ini pasti tidak akan bertambah jika tiada mekanisme atau pendekatan yang realistik untuk meningkatkan bilangan wanita dalam DUN Pulau Pinang.

Oleh sebab demikian, PWDC dan EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam telah memutuskan untuk mewujudkan satu platform yang membolehkan golongan wanita tampil ke depan. Tujuan Sidang Wanita ini adalah untuk memberi peluang kepada golongan wanita menyertai DUN dan bertindak sebagai seorang wakil rakyat. Ia sekali gus membina kapasiti golongan wanita bahawa menjadi seorang wakil rakyat bukanlah suatu yang mustahil dan kita memerlukan lebih ramai wanita terlibat dalam politik.

Penganjurannya sudah tentu mempunyai objektif dan sasaran. Apakah yang ingin dicapai daripada Sidang Wanita ini?

Sidang Wanita ini mahu mencungkil bakat untuk ditonjolkan dan diasah supaya mampu memikul peranan mereka kelak. Sebab itu, sidang wanita ini dirangka dengan beberapa fasa. Bermula dengan jemputan eksklusif, siri jelajah daerah, pemilihan yang melalui penilaian dan disusuli bengkel persediaan. Kemudian, peserta ditapis dan akhirnya disaring sebagai perwakilan di Dewan Undangan Negeri. Ia bukan proses yang mudah kerana mereka yang terpilih merupakan antara kalangan wanita yang hebat, berbakat dan komited. Kita mahu mereka siap siaga dan berpengetahuan untuk menjadi pemimpin yang berwibawa.

Apa yang penting, kita juga ingin meningkatkan kesedaran orang ramai terutama pemimpin parti politik bahawa golongan wanita mempunyai kebolehan untuk tampil ke depan dan bersedia menjadi calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Berdasarkan maklum balas yang diterima, kita dapat ramai antara peserta sedar akan kebolehan dan kemampuan mereka untuk menyertai politik. Mereka juga menyadari kepentingan perwakilan wanita dalam peringkat pembuat keputusan.

Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 boleh dikatakan sebagai anjakan baharu buat pemimpin wanita dan pejuang wanita yang mahukan perubahan dari sudut layanan, hak, penglibatan dan penyertaan dalam apa jua situasi dan proses membuat keputusan. Apakah komen Puan?

Pertamanya, peserta berpeluang untuk menimba banyak ilmu baharu dan tidak terhad kepada agenda yang biasa dibincangkan. Sebagai contoh, apakah fungsi, peranan dan tanggungjawab seorang wakil rakyat?. Ilmu-ilmu tersebut boleh didapati dan difahami melalui perkongsian oleh wakil-wakil rakyat semasa program ini.

Impak kepada peserta pula adalah berkaitan kemampuan menonjolkan kemahiran yang diperoleh. Contohnya, program ini memberi peluang kepada peserta untuk berbahas isu-isu semasa. Kita juga mengadakan *role play* untuk menjelaskan cara-cara dan apa yang perlu dilakukan semasa berkempen.

Peserta juga berpeluang menyertai *walkabout* iaitu aktiviti turun padang bersama wakil rakyat di pasar, taman dan tempat orang ramai untuk melihat dan mempelajari sendiri bagaimana seorang wakil rakyat berinteraksi dengan orang ramai. Aktiviti ini memberi pengalaman kepada para peserta sekali gus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Melalui sesi-sesi yang diadakan juga, golongan wanita kini lebih berani untuk bertanya serta mencari penyelesaian dan bukan hanya mengikut arahan semata-mata. Mereka turut berpeluang untuk menguji bakat dan pada masa yang sama mengenalpasti kelemahan sendiri dengan tujuan memperbaikinya.

Pada hari Sidang Wanita, peserta memasuki Sidang DUN (simulasi) dan berpeluang membawa pelbagai isu dasar, isu kawasan DUN masing-masing dan isu negeri. Untuk membawa isu-isu tersebut dengan bermakna, peserta perlu mengkaji dan menyelidik pelbagai jenis bahan rujukan. Pada masa ini, mereka berakosi dan mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan perkongsian yang didapati daripada sesi sebelumnya termasuk jelajah daerah dan bengkel persediaan.

Di sinilah, pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran dapat dilihat telah mencapai satu peringkat yang lebih tinggi dan menonjolkan kematangan berpolitik mereka.

Seramai 40 orang peserta terbaik edisi pertama telah dipilih. Bagaimanakah Puan melihat prestasi mereka pada masa hadapan?

Saya sangat berbangga dengan prestasi kesemua 40 orang peserta setelah melihat kesungguhan mereka menyelesaikan tugas. Mereka bersungguh-sungguh dan komited memberikan yang terbaik. Saya sangat gembira dengan prestasi mereka. Walaupun pada awalnya ada sedikit kegusaran sama ada mereka boleh mencapai tujuan dan objektif program ini yang julung kali diadakan. Tetapi sepanjang program berlangsung, mereka telah menunjukkan bahawa mereka adalah wanita yang berkebolehan tinggi.

Sekiranya mereka tidak tercalon dalam pilihan raya negeri pada masa hadapan, kita berharap mereka boleh menjadi pemimpin sekurang-kurangnya pada peringkat komuniti seperti di kampung, taman atau menyertai JPWK, MPKK atau Badan Bukan Kerajaan (NGO). Biar mereka tampil hingga boleh menjadi pemimpin tertinggi dalam komuniti dan bukan lagi sekadar menjadi seorang ahli. Ini bukan harapan saya seorang, tetapi tujuan dan harapan semua pihak di sebalik wujudnya Sidang Wanita Pulau Pinang 2020.

Setelah selesai persidangan ini, kita telah menghantar senarai nama mereka yang terpilih kepada pemimpin parti politik. Jadi kita berharap ahli parti akan lebih yakin bahawa sudah ada golongan wanita yang telah berjaya untuk menjadi ADUN sehri semasa Sidang Wanita dan bersedia menjadi wakil parti dalam arena politik yang sebenar.

Bagaimanakah Puan melihat sidang ini pada masa hadapan?

Siapa sangka, daripada ketidakpastian sama ada program Sidang Wanita 2020 dapat berlangsung dengan baik, kita sudah berada dalam proses persediaan untuk Sidang Wanita 2021. Sebenarnya kita amat terharu kerana Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang merupakan orang yang telah memberi sokongan padu supaya Sidang Wanita ini diteruskan pada tahun-tahun hadapan. Ini satu pengiktirafan yang sangat bermakna dan menunjukkan bahawa program Sidang Wanita telah berjaya menepati tujuannya.

Dan sudah tentu, penganjuran Sidang Wanita akan diteruskan pada masa hadapan dengan menggunakan model pelaksanaan yang unik dan sentiasa ditambah baik supaya lebih berkesan dan membawa impak yang lebih lestari.



Sidang Wanita Pulau Pinang merupakan program yang dirangka khas untuk wanita bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang tugas wakil rakyat serta perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri.

Objektif



Impak

Pendedahan dan pemahaman kepada lebih 400 wanita terhadap sistem politik, pentadbiran kerajaan dan amalan demokrasi di Pulau Pinang dan Malaysia

Kemahiran dan bakat 100 pemimpin wanita diasah melalui program Pembangunan Kapasiti sebagai persediaan mereka untuk ke arena politik.

Mengangkat dan mengetengahkan 40 pemimpin wanita berkualiber dan berpotensi dalam bidang politik dikenal pasti dari 5 daerah di Pulau Pinang

Perjalanan Program





Sidang Media

Jemputan penyertaan dan pengumuman projek perintis Sidang Wanita Pulau Pinang 2020

Kerajaan Pulau Pinang pada 21 Ogos 2020 berbesar hati mengumumkan penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 yang bukan sahaja akan melakar sejarah baharu buat negeri ini malah untuk penglibatan wanita Malaysia sebagai penggubal dasar dan polisi.

Program seumpama ini merupakan program julung kali di Malaysia sekali gus menyaksikan negeri Pulau Pinang menjadi pelopor dalam usaha untuk memperkasakan wanita dan komuniti.

Ia menjadi seruan kepada wanita di seluruh negeri tampil untuk menunjukkan bakat kepimpinan dan kebolehan yang ada serta menggali potensi diri menjadi pemimpin.

Seruan ini amat penting bagi memastikan penglibatan lebih inklusif kaum wanita dalam apa jua penggubalan undang-undang dan dasar kerana wujudnya satu keperluan di alaf ini betapa mustahaknya suara wanita dalam setiap aspek masyarakat.

Sebagai contoh, peratusan Ahli Dewan Undangan Negeri wanita di Pulau Pinang masih pada tahap 15% manakala perwakilan wanita di Dewan Rakyat berada dalam lingkungan 14.9% sahaja sedangkan nisbah populasi penduduk negara ini hampir sama antara lelaki dan wanita.

Justeru, kita memerlukan lebih ramai pemimpin wanita untuk menambah suara, menggembungkan tenaga, meraih sokongan dan sedar bahawa mereka bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang serta dasar-dasar yang lebih mesra wanita dan keluarga. Impak penglibatan wanita dalam semua lapisan pembuat dasar dan penggubal undang-undang akan pasti kelihatan di peringkat komuniti, negeri dan di peringkat tanah air juga.

Platform ini sekali gus akan memberdayakan wanita untuk memastikan suara mereka akan kedengaran. ‘Daripada Wanita Kepada Wanita’ kerana hanya wanita yang lebih memahami dan arif berhubung keperluan serta kehendak mereka yang akan pasti memberi kesan yang menyeluruh kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Tempat wanita bukan semata-mata di dapur apatah lagi bagi mereka yang ada kebolehan memimpin, berkecenderungan mengurus dan tidak gentar atau takut menyampaikan pendapat dan idea mereka untuk kemaslahatan rakyat.

Senario dan persepsi wanita sebagai suri rumah semata-mata akan mula berubah kerana masyarakat akan dapat melihat penglibatan wanita bukan sahaja dalam arena politik tetapi sebagai pemimpin komuniti, usahawan, korporat maupun politik.

Selain hebahan media sosial, 1300 jemputan eksklusif telah dihantar kepada Ahli Jawatankuasa Wanita Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), manakala 530 jemputan eksklusif dihantar kepada Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di seluruh negeri Pulau Pinang. Selain itu jemputan turut dihantar kepada institusi pendidikan tinggi serta agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negeri Pulau Pinang bagi memastikan tiada wanita yang tercicir daripada menyertai Sidang Wanita ini.

Penekanan bukan semata-mata untuk merekrut pemimpin politik kepartian sebaliknya melahirkan pemimpin dalam komuniti, jabatan dan setiap peringkat organisasi. Apa yang lebih penting, sidang ini menjadi platform yang terbuka dan bebas untuk wanita tanpa mengira latar belakang. Mana-mana wanita yang tampil mempunyai peluang yang sama rata untuk berjaya.

Kami percaya, wanita bukan barisan belakang yang berada di rumah tetapi hakikatnya harus mula memainkan peranan sebagai pemimpin barisan hadapan di peringkat negeri dan negara dalam semua aspek.

Sidang media ini disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam merangkap

“ Saya menyeru wanita yang berminat untuk membela nasib rakyat, marilah sahut cabaran, tambah potensi diri, tampil dan gilap bakat anda dalam bidang kepimpinan wanita dalam politik melalui program ini. ”

YB Puan Chong Eng

Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), YB Puan Kasthuriaani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 serta Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Puan Ong Bee Leng.

Antara wakil rakyat yang turut bersama dalam sidang media ini ialah YB Puan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad (ADUN Telok Ayer Tawar) dan YB Tuan Goh Choon Aik (ADUN Bukit Tambun).

Sidang media ini berlangsung di Bilik Mutiara, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), George Town.





2.0 Perjalanan
Proses Persediaan
dan Pemilihan
Perwakilan



Jelajah Daerah

Mendekati dan mendepani para perwakilan di seluruh pelosok negeri Pulau Pinang

Selain daripada jemputan secara eksklusif, selaras dengan objektif untuk memastikan tiada mana-mana ‘bakal pemimpin wanita’ tercincir daripada menyertai Sidang Wanita Pulau Pinang 2020, satu program jelajah ke setiap daerah di Pulau Pinang telah dilaksana pada 5 dan 6 September 2020.

Pendekatan ini begitu istimewa kerana setiap wanita yang hadir dari seluruh pelosok negeri berpeluang bertemu mata dengan wakil rakyat yang turut serta bagi menjayakan setiap siri jelajah. Daerah-daerah yang diliputi ialah Barat Daya, Timur Laut, Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Selatan.

Lebih menarik, peserta yang hadir boleh berinteraksi secara langsung dengan wakil rakyat yang turut memberi respon bagi setiap persoalan dan pandangan yang dikemukakan.

Ia secara tidak langsung menyuntik semangat para peserta kerana setiap seorang berpeluang mengutarakan idea, ideologi perjuangan dan berkongsi pandangan tanpa rasa takut atau segan.

Setiap jelajah dimulakan dengan taklimat program Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 oleh Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Perincian menyeluruh melibatkan perjalanan sidang wanita, proses-proses pemilihan, penilaian serta butiran bengkel persediaan yang perlu dihadiri sekiranya terpilih kelak.

Kemudian ia disusuli dengan Sesi Bersama Wakil Rakyat termasuk Ahli Parlimen Batu Kawan selaku Pengurus Jawatankuasa Petugas sidang ini, YB Puan Kasthuriraani Patto. Beliau memulakan perkongsian pada setiap jelajah demi berkongsi ilmu, pengalaman dan menyuntik jiwa peserta untuk tampil ke depan.

Bagi memastikan komunikasi dua hala dan penglibatan semua semasa jelajah daerah, para peserta dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang akan dibimbang oleh seorang wakil rakyat atau urusetia yang bertindak sebagai pemudah cara atau ‘fasilitator’.

Para peserta diberi tugasan yang turut menjadi aspek penilaian oleh pemudah cara terlibat untuk disaring ke peringkat seterusnya.

Pastinya proses penilaian tidak mudah kerana 297 peserta atau 74% daripada pendaftaran dalam talian yang hadir ini bukan calang-calang orang malah mempunyai misi tersendiri untuk diperjuangkan. Pada setiap jelajah daerah juga, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) akan bertindak sebagai tuan rumah yang mengemudi pelaksanaan jelajah ini.

Kerjasama padu kerajaan negeri melalui Pejabat Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam serta PWDC dan wakil rakyat yang turun padang membolehkan jelajah di 5 daerah berjalan lancar sepanjang dua hari program.

Daerah Barat Daya - 5 September 2020

Berlangsung di Dewan Prince of Wales Island International School, Balik Pulau, 31 daripada 49 peserta telah disenarai pendek. Balik Pulau menjadi lokasi pertama persinggahan siri Jelajah Daerah ini.

Jelajah pertama ini menyaksikan, Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Chik sebagai tuan rumah.

Berpegang kepada prinsip bahawa aspek kepimpinan sudah ada dalam kalangan isteri yang menguruskan keluarga, beliau menjadikan beberapa tokoh wanita hebat sebagai inspirasi kepada peserta termasuk, Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern yang mengetuai kerajaan negara itu pada usia 30-an malah menjadi contoh pemimpin yang handal dan cekap di seluruh dunia.

Tokoh wanita tempatan juga tidak kurang hebatnya termasuk mantan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz yang menjadi Gabenor Bank Negara wanita pertama di Malaysia.

Datuk Maimunah Mohd Sharif juga wanita perkasa yang pernah dilantik sebagai Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebelum menyandang jawatan peringkat antarabangsa, Pengarah Eksekutif di UN-Habitat.

Para peserta juga diberi penekanan betapa pentingnya mereka menjadi sebahagian pemimpin dalam mana-mana organisasi kerana jawatan tersebut demi bekerja untuk rakyat khususnya individu memerlukan.

Turut hadir dalam siri pertama ini ialah YB Puan Kasthuriraani Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan), YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail (ADUN Pulau Betong), YB Puan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan YB Puan Syerleena Abdul Rasyid (ADUN Seri Delima). Kesemua mereka bertindak sebagai pemudah cara dan turut menjadi penilai para peserta.

“ Tidak mustahil sidang wanita mampu melahirkan pemimpin wanita hebat bertaraf dunia seperti Jacinda Ardern. ”

YB Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Chik



Daerah Timur Laut - 5 September 2020

Selepas program di daerah Barat Daya kami bergegas ke daerah Timur Laut dan YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang mengambil tugas sebagai tuan rumah.

Pelbagai ilmu, idea dan pengalaman sebagai wakil rakyat dikongsi dengan peserta.

Aspek terpenting yang dikongsi bersama ialah bagaimana untuk menjadi pemimpin yang perlu sentiasa belajar dan menambah ilmu.

Turut ditekankan ialah keberanian untuk bersuara apabila melihat sesuatu yang tidak betul demi kemaslahatan bersama selain suara wanita lebih bersifat ‘inklusif dan faham’ keperluan rakan seangkatan.

Para peserta disifatkan sebagai kumpulan yang bertuah kerana Program Sidang Wanita ini adalah platform terbaik buat peserta untuk mencapai impian menjadi pemimpin.

27 daripada 73 peserta yang hadir telah disenarai pendek semasa jelajah di daerah Timur Laut yang berlangsung di Dewan Kwong Wah, George Town.

“ Wanita perlu berani untuk bersuara apabila melihat sesuatu yang tidak betul demi kemaslahatan bersama. ”

YB Puan Lim Siew Khim

Turut hadir ke jelajah daerah kedua ini ialah YB Puan Kasthuriaani Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan), YB Puan Syerleena Abdul Rasyid (ADUN Seri Delima), YB Tuan Joseph Ng Soon Siang (ADUN Air Itam) dan YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota) yang berperanan menilai para peserta selain menjadi pemudah cara program.



Daerah Seberang Perai Utara - 6 September 2020

Berlangsung di Dewan Badminton Taman Perkasa, Butterworth, jelajah ke-3 ini menyaksikan 16 daripada 40 peserta layak ke peringkat seterusnya.

Selaku tuan rumah, ADUN Teluk Air Tawar, YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad menyifatkan setiap individu berpotensi menjadi wakil rakyat.

Apa yang penting bagi beliau ialah individu berkenaan perlu ada semangat dan ikhlas untuk membantu komuniti.

Turut ditekankan ialah seorang wakil rakyat atau pemimpin, perlu berjiwa kental kerana pemimpin adalah barisan hadapan yang perlu menangkis segala tohmahan, kritikan dan cemuhun daripada pihak lawan dan masyarakat umum.

Hakikat berdepan cabaran turut menjadi fokus, kerana sebagai pemimpin, seseorang itu tidak sunyi tanpa pelbagai cabaran, tetapi harus mengingatkan diri mengenai perjuangan sebenar dalam kehidupan kita sebagai seorang wakil rakyat.

YB Dato' Mustafa turut berkongsi penglibatannya dalam arena politik sejak berumur 20-an yang menyaksikan beliau bertukar ideologi berikutan ada pemimpin yang bersifat mementingkan kesenangan sendiri.

“ Setiap wanita mempunyai potensi untuk menjadi seorang wakil rakyat jika individu tersebut mempunyai semangat dan niat yang ikhlas dalam membantu masyarakat. ”

**YB Dato' Mustafa
Kamal Ahmad**

YB Puan Kasthuriraani juga diminta menjelaskan saingen paling sengit yang pernah dihadapi pada 2013 ketika beliau mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung titah diraja yang menekankan betapa pentingnya Akta Keganasan Rumah Tangga dimantapkan ekoran pertambahan kes. Jika dikumpulkan semua mangsa keganasan rumah tangga, bilangan mangsa mampu membanjiri Stadium Kelana Jaya di Petaling Jaya, Selangor. Malangnya, pada masa itu ada juga beberapa Ahli Parliment lelaki yang mentertawakan fakta tersebut. Ini membuktikan lebih ramai suara wanita perlu ada dalam Dewan Rakyat untuk mengetengahkan isu-isu seperti ini dan betapa sukarnya mendapat sokongan golongan Ahli Parliment lelaki untuk mendalami dan menyokong cadangan-cadangan tersebut.



Daerah Seberang Perai Tengah - 6 September 2020

Jelajah daerah ke-4 melibatkan ADUN Berapit, YB Puan Heng Lee Lee sebagai tuan rumah.

Emosi para peserta tersentuh tatkala melihat ADUN Berapit yang sarat mengandung tetap menjayakan program jelajah di daerah SPT. Ia sekali gus menyuntik semangat peserta wanita dan membuktikan bahawa pemimpin wanita yang hamil tidak harus digunakan sebagai kayu ukur tanggungjawab dan komitmen mereka untuk berkhidmat di kawasan masing-masing. Namun konsep kolot bahawa ibu hamil tidak dapat menjalankan tugas dengan baik sekali gus ditangkis oleh ‘ibu besi’ seperti YB Puan Heng Lee Lee dan semua wanita yang memilih untuk bekerja walaupun hamil. Beliau berkongsi pengalaman berhadapan dengan ketidakadilan dan diskriminasi terhadap dirinya semata-mata kerana beliau seorang wanita, cabaran ini menjadi perangsang kepada dirinya untuk melangkah ke arena politik. Sungguh bermakna perkongsian beliau.

Beliau mahu mengubah stigma dan senario yang menjadi amanah kepada beliau selaku wakil rakyat wanita dan bakal pemimpin akan datang.

Setiap kejayaan perlu bermula dengan langkah pertama. Oleh itu, penyertaan para peserta dalam Sidang Wanita merupakan langkah pertama yang telah dibuat.

Hasil saringan, 32 daripada 86 peserta telah dipilih pada jelajah bertempat di Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam.

“ Peserta yang menyertai program Sidang Wanita ini merupakan salah satu langkah pertama dalam mencungkil bakat untuk menjadi bakal pemimpin wanita pada masa hadapan. ”

YB Puan Heng Lee Lee

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Penggerusi PWDC, YB Puan Chong Eng turut serta dalam jelajah kali ini. Perkongsian beliau memfokus aspek kerelaan hati untuk menjadi pemimpin bukan kerana terpaksa.

Keperluan mempunyai perwakilan wanita yang ramai kerana suara yang dibawa wanita berbeza dengan lelaki meskipun isunya sama. Justeru, peserta perlu menunjukkan bakat dan kebolehan tanpa rasa segan untuk mencuba.

Turut hadir YB Puan Kasthuriraani Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan), YB Puan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), YB Dr. Hajah Norlela Ariffin (ADUN Penanti) dan Dato’ Dr. Florance Sinniah (Ahli Lembaga Pengarah PWDC) yang bertindak sebagai pemudah cara dan penilai bersama wakil rakyat yang lain.





Daerah Seberang Perai Selatan - 6 September 2020

Jelajah daerah terakhir Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 menyaksikan Nash Bistro, Taman Jentayu Indah, Simpang Ampat sebagai lokasi penutup.

YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun menggalas amanah sebagai tuan rumah.

Melalui perkongsian beliau, para peserta diminta mempersiapkan diri terutama dengan ilmu pengetahuan dan mahir dalam pengucapan awam.

Sudah tentu kedua-dua aspek ini sangat penting bagi melahirkan pemimpin yang bijak dengan setiap hujah yang disuarakan berlandaskan fakta.

Dalam sesi perkongsian, turut ditekankan betapa suara wanita di parliment masih kurang sedangkan peratusan pengundinya melebihi lelaki. Oleh itu, selain mengasah bakat diri sendiri, para wanita diminta tidak menghalang malah menggalakkan jika ada anak-anak berminat untuk berkecimpung dalam politik.

YB Puan Kasthuriraani Patto turut menegaskan bahawa mana-mana pemimpin tidak boleh menggalas jawatan sebagai wakil rakyat untuk selama-lamanya. Satu hari nanti beliau harus memberikan obor perjuangannya kepada lapisan generasi yang akan datang. Maka tegasnya, tugas itu harus diserahkan kepada bakal pemimpin yang boleh meneruskan tonggak perjuangan khususnya suara wanita.

Pada jelajah daerah terakhir ini, 14 daripada 49 yang hadir telah disenarai pendek untuk ke Bengkel Persediaan Sidang Wanita.

“Pemimpin-pemimpin wanita, rebutlah peluang yang diberikan sepanjang program Sidang Wanita ini untuk mempertingkatkan kemahiran diri masing-masing.”

YB Tuan Goh Choon Aik



Meskipun berjalan dalam tempoh singkat, jelajah ini berjaya dilaksana sekali gus membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri, wakil rakyat dan penganjur mencari ‘pemimpin tersembunyi’ di setiap ceruk negeri.

Peserta yang hadir juga terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk Ahli Jawatankuasa Wanita Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), jabatan dan agensi kerajaan, suri rumah, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli perniagaan serta pelajar institusi pengajian tinggi. Paling penting, ia melibatkan penyertaan daripada pelbagai kaum dan agama serta daripada pelbagai latar belakang fahaman politik.

Secara keseluruhannya, 147 peserta telah dipilih dari lima daerah untuk ke Bengkel Persediaan Sidang Wanita melalui surat

jemputan eksklusif daripada PWDC. Bengkel Persediaan yang berlangsung selama dua hari pada hujung bulan September 2020.

Pengorbanan masa dan reaksi positif peserta dalam setiap jelajah terutama ketika sesi perkongsian dan soal jawab amat membanggakan malah memberikan semangat kepada pasukan sokongan PWDC dan wakil rakyat yang hadir.

Pastinya, jiwa mereka sudah disuntik dengan iltizam untuk menjadi suara wanita dengan pemahaman lebih jelas mengenai tugas sebagai pemimpin dan wakil rakyat.

Ingat, tangan yang menghayun buaian mampu menggegarkan dunia, dan ini bukan omongan kosong.



Bengkel Persediaan

Proses Pembangunan Kapasiti Perwakilan Perintis

Perjalanan ke arah merealisasikan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 diteruskan dengan Bengkel Persediaan yang berlangsung pada 26 dan 27 September 2020.

Bengkel hari pertama pada 26 September 2020 berlangsung di Hotel Olive Tree, Bayan Lepas manakala bengkel hari kedua bertempat di Hotel Iconic, Bukit Mertajam.

87 peserta wanita (59%) daripada 147 yang menerima jemputan eksklusif daripada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menghadiri bengkel yang bersifat lebih inklusif dan mendalam khususnya melibatkan aspek pemahaman gender dan pengetahuan proses perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tugas, peranan serta tanggungjawab wakil rakyat ke Dewan Rakyat (Parlimen) atau DUN serta skop tugas mereka.

Istimewanya, Bengkel Persediaan ini merupakan fasa terakhir penilaian para peserta sebelum beraksi dalam sidang wanita pada 20 Oktober 2020.

Proses penilaian dilakukan dengan lebih terperinci kerana peserta yang hadir terdiri daripada pelbagai lapisan umur, etnik, pendidikan, pekerjaan dan ideologi politik dan mereka adalah antara wanita terbaik dari seluruh Pulau Pinang.

Sesi dijalankan secara tertutup dan diikuti dengan lawatan kerja di lapangan. Sesi ini memberi peluang kepada para peserta untuk berdialog dengan wakil rakyat yang hadir

untuk memberi sokongan dan berkongsi pengalaman dan ilmu.

Secara rumusannya, bengkel ini mempunyai dua peranan utama iaitu menyediakan peserta sebagai ‘wakil rakyat’ di samping bertindak sebagai tapisan terakhir pemilihan peserta menuju Sidang Wanita Pulau Pinang 2020.

Bengkel ini juga menampilkan kehadiran Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow yang turut sama berdialog dengan para perwakilan yang hadir. Dato’ Rohana selaku moderator bagi sesi dialog santai ini telah mengajukan pelbagai soalan kepada Ketua Menteri. Meskipun jawapan YAB Tuan Chow Kon Yeow mencuit hati para perwakilan namun penuh dengan maksud tersirat dan menzahirkan betapa bangga serta terujanya beliau melihat lautan pemimpin wanita yang akan membarisi pimpinan di Pulau Pinang satu hari nanti.

Kandungan modul pembinaan kapasiti merangkumi perkongsian wakil rakyat dalam pelbagai aspek termasuk bidang kuasa, bidang tugas, pengalaman dan perjalanan sidang Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sesi tapisan pemilihan merangkumi penilaian perbahasan dan sesi latihan berkempen. Antara aspek penilaian ialah prestasi pengucapan awam, pemahaman isu atau topik dihadapi mereka, keinginan untuk berkhidmat, minat dan pengetahuan yang luas.

Pendirian Pulau Pinang Mengenai Keterangkuman Gender dan Kepentingan Perwakilan Wanita Dalam Peringkat Pembuat Keputusan”

bersama
YAB. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang
dan moderator YBhg. Dato' Rohana Abdul Ghani,
Ahli Lembaga Pengarah PWDC



“Pulau Pinang akan terus memberikan penekanan terhadap agenda pemerkasaan wanita termasuk keterangkuman gender dan menjadi sebahagian daripada dasar penting di negeri ini melalui portfolio Pembangunan Sosial. **”**

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Sesi Dialog bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow

YAB Tuan Chow menyambut baik penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 yang senada dengan komitmen kerajaan negeri ke arah memperkasakan peranan wanita sebagai pembuat dasar.

Ia merupakan sebahagian daripada perjuangan agenda keterangkuman gender yang sudah lama diperjuangkan oleh PWDC.

Bagaimanapun, proses mencungkil bakat atau untuk meyakinkan wanita supaya tampil ke hadapan masih menjadi satu cabaran yang besar.

Di bawah Dasar Keterangkuman Gender, Pengurusan Gender Seimbang (Gender Balanced Management) kerangka jelas disediakan dengan nisbah 40:40:20 iaitu lelaki (40%), perempuan (40%) dan baki (20%) terbuka untuk kedua-duanya yang juga menjadi objektif pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YAB Tuan Chow juga percaya Pulau Pinang merupakan antara negeri yang serius dan mendahului negeri-negeri lain dalam mengamalkan keterangkuman gender.

Tidak menafikan bahawa ia bukan perjalanan yang mudah dan memerlukan perjuangan yang panjang, oleh itu, kerajaan negeri mewujudkan portfolio khusus iaitu Keterangkuman Gender pada 2018 yang kini

dijenamakan serta dirangkumkan di bawah portfolio Pembangunan Sosial. Kerajaan negeri telah membuat penyusunan dan penjenamaan semula portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) yang menyaksikan portfolio Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam digalas oleh YB Puan Chong Eng.

Kerajaan negeri terus komited dengan agenda pemerkasaan wanita termasuk keterangkuman gender yang menjadi sebahagian daripada dasar penting di negeri ini melalui portfolio Pembangunan Sosial.

Sempat menitipkan pesanan, YAB Tuan Chow berkongsi tiga kriteria untuk bertahan lama dalam perjuangan politik iaitu komitmen, komited dan bekerja lebih keras. Dalam sesi dialog ini Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC bertindak selaku moderator.



Pengenalan kepada Peranan Wakil Rakyat serta Fungsi Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri

Tiga pemimpin hebat, YB Puan Kasthuriraani Patto, YB Senator Puan Lim Hui Ying dan YB Puan Lim Siew Khim telah berkongsi pengalaman peribadi mereka dan telah memberi gambaran jelas kepada para peserta mengenai fungsi dan proses perjalanan Dewan Rakyat (Parlimen), Dewan Negara (Senat) dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Niat dan cita-cita sahaja tidak cukup untuk menjadi pemimpin tetapi perlu berserta dengan pemahaman yang jelas mengenai bidang tugas dan apa jua yang berkaitan. Bagi tujuan itu, YB Puan Kasthuriraani memberi penerangan mengenai fungsi parlimen yang bertindak menggubal atau meminda undang-undang persekutuan, selain berfungsi sebagai satu institusi semak-imbang dan membahaskan dasar-dasar kerajaan.

Peserta diberi gambaran bagaimana proses tersebut berjalan termasuk proses pembentangan, perbahasan, pengundian dan kelulusan.

YB Puan Kasthuriraani memulakan perkongsian dengan sejarah penglibatan wanita dalam dunia politik atau jurusan kehakiman, di luar negara dan tanah air serta betapa pentingnya saling mengingatkan diri kita bahawa perjuangan ini belum lagi selesai.

YB Kasthuri turut menarik perhatian peserta apabila menyentuh berkenaan salah faham mengenai tugas utama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen seperti melawat orang sakit, menghadiri perkahwinan dan membantu penduduk mendapatkan lesen perniagaan atau penjaja. Walaupun

ini telah menjadi sebahagian daripada tugas wakil rakyat di Malaysia, antara tugas utama adalah dalam melaksanakan peranan pemantau terhadap kerajaan dan EXCO negeri, menyertai atau mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen sebagai agen pemudah proses perbahasan rang undang-undang dan dengan kuasa menyiasat, dapat mendalami isu-isu rakyat yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk perhatian semua wakil rakyat. Seperti juga di peringkat DUN, jawatankuasa-jawatankuasa wujud sebagai agen pemudah dalam merangka dasar dan undang-undang dan memerhati segala pelaksanaan kerajaan agar ianya dapat memberikan manfaat kepada rakyat dengan sepenuhnya.

Pada sesi sama, Ahli Dewan Negara, YB Senator Puan Lim turut memberi perincian dan gambaran secara jelas mengenai Ahli Dewan Negara dan fungsinya. Beliau telah berkongsi pengalaman sebagai Ahli Senator serta kriteria dan proses pemilihan Ahli Dewan Negara serta tempoh pelantikan mereka.

ADUN Sungai Pinang, YB Puan Lim Siew Khim pula memberi pemahaman jelas mengenai peranan ADUN, fungsi dan perjalanan sidang DUN khususnya di Pulau Pinang.

Hasil daripada sesi ini peserta akan lebih memahami proses sebenar amalan demokrasi di Malaysia, iaitu 3 cabang kerajaan, peranan dan tanggungjawab Senator, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Peserta juga didedahkan dengan fungsi Dewan Undangan Negeri (DUN), Dewan Rakyat (Parlimen) dan Dewan Negara.

Sesi Perbahasan dan Latihan *Role Play*

Sebelum dinobatkan sebagai 40 peserta pertama Sidang Wanita Pulau Pinang 2020, sudah tentu para wanita perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran khususnya kemahiran insaniah (*soft skills*).

Dalam bengkel ini, selain diberi pendedahan dan pemahaman mengenai struktur pemerintahan dan tugas wakil rakyat, peserta sendiri perlu ada ‘pakej tersendiri’ untuk digelar sebagai wakil rakyat.

Justeru, sesi perbahasan dan latihan ‘*role play*’ telah dilaksanakan untuk melatih pemikiran kritis terhadap isu semasa berhubung kepimpinan politik, pemerkasaan wanita, urus tadbir baik dan kesaksamaan gender.

Ia sekali gus mampu mendorong wanita untuk memahami topik yang diberikan, berhujah dengan lebih bernas, membangkang dengan bijak, membina sokongan pengurusan masa serta kerjasama berpasukan.

Peserta dibahagikan kepada empat buah bilik iaitu bilik Ungu, Putih, Kuning dan Jingga manakala setiap bilik akan dipecahkan kepada 4 kumpulan yang terdiri daripada 6 orang ahli.

Setiap kumpulan menerima satu topik atau usul yang akan dibahaskan mengikut peranan sama ada sebagai pencadang atau pembangkang. Topik-topik cadangan perbahasan ialah perkahwinan kanak-kanak, gangguan seksual, akta pekerjaan dan Perlembagaan Persekutuan.

Ketika sesi ini, wakil rakyat YB Puan Chong Eng, YB Puan Lim Siew Khim, YB Puan Kasthuriaani Patto dan YB Senator Puan Lim Hui Ying turut terlibat. Mereka juga bertindak sebagai pemudah cara dan penilai bagi sesi ini.



Lawatan Lapangan Bersama Wakil Rakyat

Hari ke-2 Bengkel Persediaan dimulakan dengan para peserta turun ke lapangan atau turun padang bagi mengikuti *walkabout* bersama wakil rakyat.

Dalam sesi ini, seorang wakil rakyat bertindak sebagai hos dan menentukan lokasi pilihan untuk kerja lapangan.

Aktiviti ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta bagaimana seorang wakil rakyat ‘bertemu mata’ dengan komuniti setempat. Peserta mengalami sendiri pengalaman bertemu dengan masyarakat dan dapat melihat secara terus bagaimana peranan wakil rakyat di kawasan terlibat.

Setiap hos akan mengendalikan sekurang-kurangnya 10 orang peserta yang akan dibawa ke lokasi berkempen.

Wakil rakyat yang turut sama turun padang bersama para peserta ialah YB Puan Lim Siew Khim, YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail, YB Tuan Joseph Ng Soon Siang, YB Tuan Chris Lee Chun Kit, YB Dr. Hajah Norlela Ariffin, YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad, YB Puan Chong Eng, YB Tuan Goh Choon Aik dan YB Puan Kasthuriaani Patto. Kawasannya meliputi daerah Seberang Prai dan daerah bahagian pulau.

Ini merupakan sesi penting kerana para peserta perlu belajar bagaimana seorang pemimpin memenangi hati rakyat. Ini adalah kerana seorang ‘YB’ berkhidmat untuk rakyat.

Tuan Rumah dan Lokasi Lawatan Lapangan

Bil	Tuan Rumah	Lokasi
1.	YB Puan Lim Siew Khim	Persiaran Karpal Singh
2.	YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail	Pasar Awam Balik Pulau
3.	YB Tuan Joseph Ng Soon Siang	Kampung Melayu Ayer Itam
4.	YB Tuan Chris Lee Chun Kit	Pasar Pulau Tikus
5.	YB Dr. Hajah Norlela Ariffin	Jeti Nelayan Kampung Terus
6.	YB Dato' Mustafa Kamal Ahmad	Pantai Robina, Butterworth
7.	YB Puan Chong Eng	Pasar Taman Sri Rambai
8.	YB Tuan Goh Choon Aik	Pasar Kampung Valdor
9.	YB Puan Kasthuriaani Patto	Pasar Awam Perkampungan Juru





Sesi Perkongsian Lawatan Lapangan

Sebaik selesai lawatan lapangan, peserta dikumpulkan semula untuk mendapatkan reaksi dan perkongsian mereka sepanjang sesi yang berjalan selama lebih 2 jam itu.

Slot perkongsian ini dikendalikan Puan Ong Bee Leng yang meminta peserta tampil menceritakan pengalaman mereka.

Antara perkongsian yang diterima adalah daripada Aiman Fashehah Ahmad yang ke lapangan bersama YB Tuan Goh di pasar awam. Sepanjang tempoh itu dia mendapati YB Tuan Goh seorang yang rendah diri dan bijak menangani masalah, iaitu menyelesaikan sendiri isu dihadapi dan jika tidak boleh beliau menyerahkan kepada pihak berkenaan untuk menyelesaikan.

Sementara Kalpana Munusamy Naidu pula bersama YB Tuan Joseph ke kawasan Kampung Melayu, Air Hitam. Dia berpeluang melihat bagaimana YB Tuan Joseph bekerjasama dengan syarikat swasta untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di sana selain YB turut menghulurkan sumbangan makanan dan

“ Ketika di lapangan saya dapat merasai sendiri peranan seorang wakil rakyat yang bukan hanya sekadar bermesra bersama masyarakat tetapi juga bertanggungjawab terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. ”

Siti Shahanis Md Sharif

bantuan kepada mereka.

Berdasarkan perkongsian peserta, secara keseluruhannya mereka menerap isu dan masalah yang ada di setiap lokasi dan melihat bagaimana wakil rakyat mencari solusi.



Perkongsian Kisah Benar Seorang Wakil Rakyat

Bengkel persediaan diteruskan lagi dengan sesi perkongsian pengalaman hidup wakil rakyat yang hadir.

Setiap individu mempunyai kisah dan sejarah yang menjadi titik tolak bagaimana mereka tekad untuk berjuang. Biar apapun sebabnya, apa yang penting perjuangan tersebut demi manfaat rakyat.

YB Puan Syerleena Abdul Rashid (ADUN Seri Delima) berkongsi bagaimana beliau mula menyertai politik kerana mahu membaiki dan melakukan perubahan senario politik tanah air. Perjalanan beliau juga tidak mudah dan berdepan cabaran terutama apabila memilih ideologi yang tidak sama dengan kebanyakan keluarga atau kenalan. Namun demi prinsip dan perjuangan, tegas beliau seorang pemimpin mesti berjiwa kental selain perlu bersabar.

YB Senator Puan Lim Hui Ying memaklumkan, latar belakang keluarganya, iaitu ayah dan abang beliau yang aktif dalam politik telah sedikit sebanyak mempengaruhi beliau menyertai politik. Bagaimanapun, beliau bermula dengan gerak kerja parti termasuk mencari dana untuk parti, dan memulakan ‘Rocket Taskforce’ untuk menjual akhbar parti di rumah-rumah pangsa, pasar-pasar, medan selera dan menjual dari meja ke meja. Memang menyayat hati mendengar pengalaman pahit sebagai seorang anak kepada seorang pejuang politik yang jarang bertemu dengan ayahnya sendiri.

Sementara itu, YB Puan Nurul Izzah Anwar (Ahli Parlimen Permatang Pauh) juga berkongsi kisah hidupnya pada era reformasi

“Jatuh bangun dalam politik adalah lumrah dan yang paling penting jangan sesekali kita berputus asa.”

YB Senator Puan Lim Hui Ying

ketika berumur 12 tahun. Beliau bermula sebagai seorang aktivis sebelum menyertai politik. Pengalaman mencabar sejak kanak-kanak menjadi inspirasi buat dirinya untuk membantu wanita lain.

Turut berkongsi kisah hidup ialah YB Dr. Hajah Norlela Ariffin yang berkahwin pada usia muda dan berkeluarga namun tidak menghalang dirinya untuk mencipta kejayaan.

Bagi sesetengah orang, politik adalah kuasa. Namun kehidupan sebagai orang politik tidak mudah kerana kuasa dalam berpolitik bermula daripada rakyat dan khidmatnya perlu kepada rakyat.

Biarpun sukar untuk menjadi pemimpin, seseorang itu perlu istiqamah dan cekal dalam perjuangan demi masa depan bangsa dan negara.

Pejuang atau pemimpin yang berada di landasan betul mampu membawa suara wanita yang sangat diperlukan, dan perjuangannya bermula di sini !



Perbincangan Panel : Wanita Dalam Politik

Aktiviti terakhir dalam Bengkel Persediaan Sidang Wanita menyaksikan program diskusi yang dikelolakan oleh YB Puan Kasthuriraani Patto selaku moderator manakala tiga lagi pemimpin iaitu YB Puan Chong Eng, YB Puan Kamache Doray Rajoo (ADUN Sabai, Pahang) dan YB Senator Puan Aiman Athirah Al Jundi (Ahli Dewan Negara) sebagai panelis untuk mengupas isu Wanita Dalam Politik.

Pelbagai topik telah dikupas termasuk peluang wanita dalam politik dan kepentingan penyertaan mereka. Ia boleh menjadi sumber kuasa dan kekuatan untuk memperjuangkan hak yang sepatutnya.

Turut dikupas aspek yang perlu untuk bergiat dalam politik termasuk pendidikan dan pengetahuan. Namun bukan ini sahaja kayu ukurnya akan tetapi pengetahuan dan sikap ingin tahu adalah jauh lebih penting daripada pencapaian akademik sahaja.

YB Senator Puan Aiman Athirah ketika mengulas mengenai penglibatan 30% pemimpin wanita dalam teraju utama, beliau menyifatkan peratusan tersebut memerlukan usaha jitu semua pihak untuk mengangkat martabat wanita dan memposisikan wanita tanpa mengira parti politik dan latar belakang. Tambah beliau, program seumpama sidang wanita ini memberikan maklumat dan literasi politik atau pendidikan politik, kekuatan dan keberanian kepada semua wanita.

YB Puan Kamache pula sebelum menyertai politik hanya seorang suri rumah selain aktif dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan dalam bidang penulisan. Sebelum

dipilih sebagai ADUN Sabai di Pahang, beliau pernah bertanding dan telah kalah dalam pilihan raya umum. Namun katanya, niat untuk berkhidmat kepada rakyat tidak pernah pudar hingga beliau terpilih sebagai wakil rakyat. Paling penting, beliau siap sedia dan gembira berkhidmat demi rakyat.

Turut menarik perhatian ialah isu serangan gangguan seksual dihadapi oleh salah seorang peserta bengkel yang turut berdepan dengan fitnah. YB Dr. Hajah Norlela yang ada ketika sesi ini memberi jaminan bahawa tiada kompromi dan tolak ansur dalam mana-mana perwakilan yang menjadi mangsa gangguan seksual.

Keseluruhannya, para peserta memberi komitmen yang memberangsangkan. Turut menyumbang keringat dan masa, para wakil rakyat dan pemimpin yang sudi turun padang bersama-sama dengan para peserta ke arah persiapan mereka menjadi bakal pemimpin masa hadapan.

Sudah tentu, setiap penglibatan dan tugas yang dilaksana dinilai untuk memilih 40 peserta terbaik bagi Sidang Wanita pada julung kalinya.

Wanita perlu menguatkan gagasan untuk menyuarakan hak mereka. Benar, perjalannya tidak mudah dan masih panjang, tetapi Pulau Pinang sentiasa komited dan menuju ke arah itu.





Pemilihan Akhir

Analisis hasil penilaian dan penetapan konstituensi perwakilan

Satu Jawatankuasa Pemilihan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 telah dibentuk untuk tapisan terakhir bagi menentukan 40 perwakilan dalam Sidang Wanita kali ini. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YB Puan Kasthuriraani Patto dan dianggotai oleh YB Puan Lim Siew Khim, YB Puan Syerleena Abdul Rashid dan Puan Ong Bee Leng telah memainkan peranan penting dalam pemilihan perwakilan.

Pada 30 September 2020, satu mesyuarat telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi menentukan kriteria perwakilan wanita yang bakal menduduki kerusi di setiap kawasan. Turut serta dalam mesyuarat tersebut ialah Puan Swee San Chong, Pengurus Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Ketua Urusetia Sidang Wanita Pulau Pinang 2020, Encik Izwan Ali Imran Wazani.

Pemilihan dibuat berdasarkan hasil penilaian daripada Bengkel Persediaan yang telah diikuti oleh setiap peserta. Sesi perbahasan dan latihan ‘role play’ menjadi tunjang utama sistem pemarkahan dan penilaian dalam proses pemilihan ini.

Jawatankuasa Pemilihan juga meneliti bakat dan gaya penulisan lawatan perwakilan mengikut kumpulan-kumpulan mereka yang diketuai oleh wakil rakyat kawasan yang menjadi penambah nilai pemilihan ini. Profil

yang dihantar oleh peserta dijadikan panduan bagi memastikan setiap peserta yang dipilih memenuhi kriteria yang diperlukan sebagai seorang pemimpin.

Pengalaman kerja, latar belakang pendidikan, khidmat komuniti dan isu yang akan diperjuangkan oleh setiap wanita merupakan antara aspek penting yang telah menarik perhatian Jawatankuasa Pemilihan. Ia sejajar dengan peranan yang perlu dimainkan apabila peserta terpilih mewakili wanita lain dalam sesebuah kawasan.

51 daripada 87 wanita telah terpilih sebagai kumpulan perintis bagi melakar sejarah baharu buat Pulau Pinang dan Malaysia. Jawatankuasa Pemilihan menggunakan budi bicara bagi menetapkan kawasan yang akan diwakili oleh 40 wanita mengikut kesesuaian latar belakang mereka selain untuk mencerminkan komposisi sebenar dalam sidang DUN juga.

Setiap perwakilan akan memainkan peranan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mewakili kawasan masing-masing. 11 daripada mereka akan berperanan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang diketuai oleh Puan Connie Tan (N26 - Padang Kota) selaku Ketua Menteri. 11 wanita yang bukan daripada kalangan perwakilan telah dipertanggungjawabkan sebagai Pembantu EXCO.

Penerimaan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis

Proses penghantaran soalan lisan dan soalan bertulis untuk persidangan

Menggunakan format Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, tugas pertama perwakilan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sidang Wanita atau ‘backbencher’ adalah bagi menghantar Soalan Lisan dan Soalan Bertulis untuk dijawab ketika persidangan.

Setiap perwakilan diberi masa selama 4 hari bermula 6 September sehingga 9 September untuk menghantar soalan mereka kepada pihak Urusetia Sidang Wanita. Soalan yang dihantar semestinya ditujukan kepada barisan perwakilan yang menggalas tanggungjawab sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang mirip mencerminkan portfolio asal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan setiap persoalan yang dikemukakan mempunyai asas yang baik dan wajib diberikan perhatian oleh pihak eksekutif, para perwakilan telah mengambil inisiatif untuk turun padang meninjau ‘kawasan’ mereka untuk mendengar, mengalami dan melihat isu-isu warga masyarakat, infrastruktur, hak wanita, alam sekitar dan lain-lain yang menjadi sebahagian daripada proses kaji selidik. Ada juga yang telah mengikuti usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan berita terkini melalui media sosial dan media bercetak. Inisiatif ini jelas telah membantu ramai perwakilan dalam tugas mereka untuk mengolah soalan sebelum dihantar kepada pihak urusetia.

Selain turun padang, para perwakilan juga mendapat akses untuk berhubung dengan ADUN kawasan terlibat bagi meminta pandangan dan idea daripada mereka.

Soalan yang diterima akan diproses oleh

pihak urusetia sebelum dihantar kepada perwakilan yang memainkan peranan sebagai EXCO dalam Sidang Wanita untuk proses menyediakan jawapan.

Kesemua 11 EXCO akan membuat penelitian bagi menyediakan jawapan yang diajukan kepada mereka. Bagi memastikan setiap jawapan perwakilan barisan EXCO Sidang Wanita setaraf dengan barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, EXCO Sidang Wanita juga telah menghubungi pejabat EXCO Kerajaan Negeri untuk berurusan dengan mereka. Penyata rasmi ‘hansard’, video perbahasan dewan dan rujukan arkib Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga digunakan oleh para perwakilan.

Kesemua proses ini adalah proses sebenar yang diimplementasi oleh barisan EXCO Kerajaan Negeri setiap kali sebelum persidangan Dewan Undangan Negeri bermula. Dan, proses ‘real’ atau ‘benar’ ini dilalui sendiri oleh peserta Sidang Wanita.

Jawapan yang disiapkan oleh EXCO Sidang Wanita akan dihantar semula kepada urusetia untuk dicetak dan diedar ketika sesi soal jawab lisan dan bertulis pada hari persidangan pada 20 Oktober 2020.

Semua proses ini dilakukan secara dalam talian bagi memastikan kelancaran program.

Para perwakilan menyambut baik proses yang dijalankan dengan menghantar soalan yang kritis, menyeluruh dan padat, dan barisan EXCO juga memainkan peranan penting dengan membuat kajian untuk memberikan jawapan terbaik kepada para perwakilan.



Taklimat Akhir

Persiapan akhir menuju hari persidangan

Dua hari sebelum menjelang Sidang Wanita Pulau Pinang 2020, satu taklimat diadakan secara dalam talian melalui aplikasi ‘zoom’ bersama dengan semua perwakilan yang terlibat.

Sesi ini penting sebagai persediaan terakhir kepada para peserta yang akan bersidang.

Selain peserta, taklimat turut disertai YB Puan Kasthuriraani Patto, YB Puan Lim Siew Khim, Puan Ong Bee Leng serta staf sokongan PWDC.

Para perwakilan telah menggunakan platform ini untuk mendapatkan maklumat dan perincian jelas mengenai perjalanan sidang dewan termasuklah struktur aturan menjawab, aturan bertanya dan tata tertib sebagai ADUN ketika persidangan dewan. Walaupun sesi ‘zoom’ tersebut penuh dengan kisah dan cerita pengalaman pahit-manis YB Kasthuri dan YB Lim Siew Khim namun ia menjadi petua dan iktibar kepada perwakilan itu supaya mengambil serius

tanggungjawab dan peranan mereka sebagai pembawa suara rakyat untuk didengari oleh pihak kerajaan.

Selain perkongsian tatacara dan etika pakaian di dalam dewan, para perwakilan juga diberikan beberapa pedoman dan contoh gaya dan etika perbahasan atau ‘decorum’ seseorang wakil rakyat dalam dewan yang mulia. Oleh kerana sesi ‘zoom’ ini dijalankan secara santai maka perwakilan tidak berasa tertekan dalam persiapan mereka menjelang Sidang Wanita.

Turut dikongsi, teknik dan strategi untuk bertanya dan menjawab soalan selain memberi ulasan atau pencelahan ketika perbahasan.

Sesi taklimat dan perkongsian istimewa ini merupakan persediaan terakhir sebelum berlangsungnya persidangan sebenar.

Perwakilan dilihat teruja dan berkobar-kobar menanti detik hari kemuncak persidangan.





09:46:25 29/10/2020

3.0 Sidang Wanita
Pulau Pinang
2020



Sidang Wanita Pulau Pinang 2020

Persidangan dengan format Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Harinya telah tiba. 20 Oktober 2020, 40 peserta Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 buat julung kalinya beraksi dan berhujah, seperti seorang wakil rakyat atau ‘YB’ yang berbahas dengan gah, membawa suara rakyat untuk didengari oleh barisan eksekutif seperti dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sebenar.

Disiarkan secara langsung melalui laman Facebook Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), sidang wanita pertama dalam Malaysia ini mencapai lebih 40,000 tontonan dan telah menjadi buah mulut orang ramai termasuk wakil rakyat, aktivis serta warga marhaen, terutama sekali di luar negeri Pulau Pinang supaya inisiatif ini dapat dilakukan di negeri masing-masing.

Sudah tentu ia menjadi sidang yang paling dinanti kerana ini merupakan projek rintis yang menjadi kayu ukur kepada kekuatan dan kekuasaan suara wanita dalam arena kepimpinan tempatan.

Siapa sangka, suara-suara wanita ini yang menggegarkan Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang telah membawa pelbagai isu menyeluruh termasuk isu kebaikan, keterangkuman gender, belia dan wanita serta isu-isu infrastruktur, tebatan banjir, pelancongan, perubahan iklim dan alam sekitar serta keadilan sosial. Ini juga membuktikan, pemimpin wanita berfikiran holistik, tidak sempit dan terbuka ketika melihat dan menganalisa sesuatu isu. Tiada ruang untuk politik murahan, politik perkauman atau politik toksik.

40 perwakilan yang terpilih ini mewakili setiap kawasan DUN atau kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebenar yang sedia ada di Pulau Pinang untuk mereka memperhalusi isu-isu yang perlu dibawa ke perhatian Sidang Wanita dan juga cadangan penambahbaikan dan jalan penyelesaian kepada isu-isu semasa. Maka, mereka dibahagikan kepada dua blok, iaitu kerajaan dan pembangkang.

Menggunakan format yang sama dengan persidangan DUN, sidang dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Dewan disusuli ucapan pembukaan oleh Yang di-Pertua Dewan atau Speaker DUN, YB Dato' Law Choo Kiang.

YB Dato' Law berasa kagum dengan kejayaan penganjuran sidang wanita yang melalui fasa-fasa dan proses tapisan sebelum menjelang kemuncak Sidang Wanita pada 20 Oktober 2020. Pada pandangan beliau, perjalanan menuju hari kemuncak ini bukan mudah kerana setiap perwakilan perlu melalui beberapa proses tapisan oleh pihak PWDC. Jadi, perwakilan yang terpilih untuk bersidang pada pada 20 Oktober itu merupakan kumpulan perintis dan antara wanita yang terbaik. Namun begitu, tidak lupa juga kepada perintis wanita yang tidak terpilih tetapi berpeluang menjadi sistem sokongan buat ‘wakil rakyat’ wanita yang terpilih.

YB Dato' Law juga menekankan bahawa beliau berharap Sidang Wanita anjuran Perbadanan Wanita Pulau Pinang dengan

sokongan pejabat beliau dan di bawah naungan kepimpinan YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dapat dianjurkan setiap tahun seiring dengan impak yang besar kepada sosio-politik negeri Pulau Pinang yang mahu meningkatkan penglibatan wanita dalam tonggak kepimpinan kerajaan negeri - sama ada kerajaan, pembangkang mahupun yang bebas.

Dato' Speaker terdahulu menerangkan peranan seorang wakil rakyat dalam dewan persidangan termasuk proses menggubal undang-undang peringkat negeri, menjadi 'tukang' semak dan imbang cabang eksekutif, meluluskan perbelanjaan kewangan negeri, menyuarakan masalah dan isu rakyat selain merancang dan membahas demi masa depan negeri yang lebih baik.

40 'YB' wanita di hadapan beliau mempunyai potensi dan peluang yang berperanan menyalurkan suara rakan seangkatan kepada kerajaan negeri. Ia termasuk membuat dasar, polisi serta hak dan kebajikan kaum wanita serta masyarakat terpinggir supaya boleh dijadikan input dalam semua aspek penggubalan undang-undang atau polisi.

Selesai sahaja ucapan perasmian, YB Dato' Law kemudian terus sahaja mempengerusikan Sidang Wanita yang diikuti dengan sesi jawapan soalan lisan dan soalan bertulis yang dikemukakan oleh para perwakilan.

Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis

Persidangan diteruskan dengan Pertanyaan Jawab Lisan dan Bertulis dengan Setiausaha Dewan bangun dan mengumumkan bermulanya sesi soalan-soalan bertulis. Dato' Speaker menjemput Ketua Menteri Sidang Wanita bagi memulakan sesi.

Puan Connie Tan Hooi Peng yang memainkan peranan sebagai Ketua Menteri dan mewakili kawasan DUN Padang Kota memaklumkan jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah disediakan dan diletakkan di atas meja perwakilan. Ini selaras dengan subperaturan 15(1)(h), peraturan-peraturan Majlis

Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi atau '*hansard*'.

Sidang kali ini menerima 28 soalan bertulis dan telah dijawab oleh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dalam bentuk jawapan bertulis yang telah diletakkan di atas meja setiap perwakilan seperti dalam Sidang DUN yang sebenar.

Beliauturut memohon izin untuk membacakan pantun nukilannya sendiri untuk menzahirkan penghargaan kepada sidang yang julung kali diadakan yang disifatkan sangat bermakna. Puan Connie mendapat tepukan gemuruh tatkala membaca pantun tersebut yang juga memberi penghargaan terhadap penganjuran sidang wanita kali pertama itu dengan mengangkat status wanita ke satu tahap yang lebih tinggi. Beliau juga mahu semua perwakilan berganding bahu demi pembangunan negeri.

Setelah selesai ucapan Ketua Menteri, persidangan diteruskan dengan sesi soalan-soalan lisan yang telah dihantar lebih awal. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) akan bangun bagi memberikan jawapan kepada setiap soalan lisan mengikut portfolio masing-masing.

Suasana di dalam dewan ada kalanya hangat apabila berlaku pertikaman lidah antara barisan kerajaan dan pembangkang ketika sesi soalan lisan dan perbahasan. Sungguh padat dan pedas perbahasan semua perwakilan wanita !

Antara soalan yang diajukan adalah daripada perwakilan kawasan DUN N30 Sungai Pinang, Puan Leong Phui Kwan yang mahu penjelasan berkenaan komposisi Ahli Lembaga Pengarah PWDC yang tidak menggambarkan amalan dasar keterangkuman gender. Selain itu beliau juga ingin tahu sejauh mana keberkesanan Projek Bajet Penyertaan Rakyat & Responsif Gender (GRPB) dan polisi 40:40:20 serta cadangan sekiranya agensi dan jabatan kerajaan negeri gagal memenuhi kuota sebagaimana ditetapkan.

Tenang dan bersedia dengan jawapan, soalan itu kemudiannya dijawab oleh Puan Tan Soo Siang selaku EXCO yang memegang Portfolio Keterangkuman Gender bagi pihak Ketua Menteri. Dalam jawapan tersebut jelas beliau, komposisi Ahli Lembaga Pengarah PWDC 100% wanita selaras dengan fungsi dan objektifnya. Bagi persoalan yang kedua, merujuk kepada Bajet Penyertaan Rakyat & Responsif Gender, katanya telah diamalkan di negeri ini sejak 2012 yang dimulakan oleh pihak berkuasa tempatan dan kini merangkumi agensi-agensi lain di bawah kerajaan negeri. Ini merupakan satu *milestone* penting dalam mengarus perdanakan perspektif gender dalam perancangan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi soalan yang ketiga, menurut beliau, Dasar Keterangkuman Gender membela keseimbangan gender di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri, dengan memberi peluang yang sama dalam pelantikan di semua peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan mengikut nisbah 40:40:20. Ini bagi mengelakkan komposisi satu gender melebihi dan mendominasi gender yang lain sebagai pembuat keputusan. Justeru itu, kerajaan negeri menggalakkan keseimbangan gender di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Dato' Speaker telah mengendalikan persidangan dengan baik dalam pengurusan masa dan ujaran berhubung tatacara untuk mencelah, menjawab atau bertanyakan soalan. Kesemua 28 soalan lisan juga berbentuk inklusif yang menyentuh semua portfolio dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ini membuktikan wanita berupaya melihat semua perkara dari pelbagai sudut sekali

gus menunjukkan kemampuan mereka dalam arena politik dan pentadbiran negeri.

Bagaimanapun, berikutan kekangan masa, tidak semua soalan lisan sempat dijawab oleh EXCO. Justeru Ketua Menteri memaklumkan kepada Dewan bahawa soalan terlibat akan dijawab secara bertulis.

Selesai sahaja sesi tersebut, Bentara Dewan mengedarkan jawapan soalan lisan yang telah dicetak kepada perwakilan berkenaan.

Sesi soalan lisan berlangsung dengan lancar mirip sidang DUN sebenar. Setiap perwakilan memainkan peranan masing-masing sama ada kerajaan atau pembangkang untuk semak-imbang dan untuk memohon penjelasan isu-isu yang dibangkitkan.

Sesi Perbahasan

28 perwakilan termasuk Ketua Pembangkang menyertai sesi perbahasan dan dibuka oleh Ketua Pembangkang, Puan Siti Fari Hah Zonol (N05, Sungai Dua) yang membangkitkan 7 isu. Beliau memulakan dengan Inapan Kasih Sayang (IKS), Program Agihan Asnaf pada tahun 2012 di bawah seliaan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Beliau bertanya kewajaran menaikkan had pendapatan penerima selain implikasi dan ketersediaan pihak terlibat bagi perkara tersebut. Beliau turut mempersoalkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap golongan ibu tunggal atau ibu yang hampir tertinggal akibat ketidakstabilan ekonomi keluarga yang menjadi punca krisis keluarga.

Beliau juga menyentuh isu diskriminasi terhadap penduduk di kawasan perumahan teres atau rumah batu sekitar Taman Desa Murni dan Taman Sungai Dua Utama





berkenaan pengurusan jenazah. Turut dibangkitkan isu kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di Merbau Kudung. Beliau juga mahukan penjelasan bagaimana kerajaan menyantuni dan mengadili orang awam yang gagal memohon PPR tanpa menyinggung perasaan mereka yang ‘sedar’ bahawa ada unit yang kosong tanpa penghuni.

Selain itu, turut sama dalam sesi perbahasan ini ialah perwakilan N30, Sungai Pinang, Puan Leong Phui Kwan. Beliau mengemukakan cadangan supaya satu kajian menyeluruh mengenai perspektif jantina dijalankan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang bagi masa depan polisi dan program yang lebih komprehensif dapat diperkenalkan kepada golongan tertentu untuk mempercepat kesaksamaan gender.

Perwakilan N28, Komtar, Puan Saidatul Nadzirah Saidin pula mengutarakan permasalahan serangan agas-agas di Lebuh Carnavon yang membekalkan penduduk sekitar. Beliau turut memberi cadangan penggunaan cahaya lampu LED yang mampu mengurangkan kehadiran serangan tersebut.

Turut dibawa, isu gelandangan di KOMTAR Walk dan perkaranan KOMTAR yang semakin ramai dan menimbulkan kebimbangan terutamanya ketika krisis Covid-19. Beliau berharap kerajaan negeri bekerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara untuk menambah baik Anjung Singgah untuk mengatasi isu itu.

Perwakilan N19 Jawi, Puan Kaliammal R. Santharen pula membahaskan mengenai Dasar 1 Murid 1 Sukan (1M 1S) yang mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Rata-rata perwakilan yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini menyentuh pelbagai isu secara menyeluruh termasuk isu wanita, belia, kebajikan yang memberi kesan kepada pembangunan negeri Pulau Pinang.

Yang menariknya ialah kepetahan mereka berbahas yang disulami dengan fakta dan isu yang berasas bukan semata-mata untuk ‘membangkang’ atau mengkritik. Setiap persoalan yang dikemukakan juga disusuli dengan cadangan untuk perhatian pihak berkenaan. Ia menggambarkan betapa ‘pimpinan wanita’ ini berhujah secara intelektual dan profesional.

Sesi Penggulungan

Sesi penggulungan bermula selepas makan tengah hari dan aksi perwakilan EXCO yang menghabiskan makanan mereka dengan cepat untuk menyemak nota dan membuat persiapan bagi sesi penggulungan seharusnya dipuji. Walaupun ini merupakan satu simulasi sidang DUN yang sebenar namun mereka menggalas tanggungjawab dan peranan dengan serius dan komited untuk membuktikan barisan eksekutif Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan calang-calang orangnya.

Seramai 11 EXCO menyertai sesi penggulungan bagi memberi maklum balas terhadap setiap persoalan, isu dan cadangan yang dikemukakan dan dibahaskan oleh setiap perwakilan dalam Sidang Wanita Pulau Pinang 2020.

EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah membuka tirai penggulungan Sidang Wanita Pulau Pinang 2020.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan yang bertanya soalan dan memberi cadangan dalam sesi perbahasan sebelum meminta izin untuk membuat penggulungan secara serentak. Maklum beliau, Kerajaan Negeri akan melancarkan 100 hab taman komuniti dengan konsep tanaman bandar di seluruh negeri Pulau Pinang dalam tempoh 5 tahun akan datang selaras dengan visi 2030 kerajaan untuk mewujudkan negeri pintar dan hijau, berteraskan keluarga sebagai inspirasi negara.

Sementara itu, EXCO Belia dan Sukan, Puan Normahani Muhamad memaklumkan 749,000 (42%) penduduk Pulau Pinang terdiri daripada golongan belia. Justeru tegasnya, kerajaan negeri memandang serius pembangunan belia dan sukan di negeri ini dalam Bajet Pulau Pinang 2021 dengan menambah peruntukan kepada RM15.45 juta.

Beliau turut menyentuh program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan penglibatan belia di setiap KADUN. Kerajaan negeri telah meluluskan cadangan bagi penetapan kuota 2 orang belia iaitu seorang lelaki dan seorang wanita menganggotai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

EXCO Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi, Puan Kalpana Munusamy Naidu memaklumkan,

Pulau Pinang merupakan penyumbang kelima tertinggi kepada KDNK nasional bernilai RM91.18 bilion yang menunjukkan persekitaran pelaburan negeri semakin rancak selain terus relevan sebagai lokasi pelaburan strategik tumpuan pelabur.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan Pulau Pinang berjaya mencatatkan 61 projek dalam sektor pembuatan sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2020 sekali gus mewujudkan 6,971 peluang pekerjaan baharu. Perkembangan positif itu berlaku ketika negara berdepan dengan krisis Covid-19 yang menjadikan ekonomi global.

EXCO Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi merangkap Ketua Menteri, Puan Connie Tan Hooi Peng menutup sesi penggulungan dengan beberapa maklum balas. Beliau terdahulu memuji komitmen semua perwakilan yang berbahas dengan tertib dan memberi komitmen penuh ketika persidangan. Beliau juga menyifatkan idea dan cadangan yang diberi amat membantu dalam pembangunan negeri dan akan diambil perhatian serius.

Beliau turut menyentuh *trend* sejagat, Covid-19 yang tempiasnya juga memberi kesan kepada Pulau Pinang dengan kewujudan beberapa kluster termasuk Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Turut dijelaskan, langkah saringan dan pencegahan penularan yang telah dilakukan termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan terjejas.

Sebagai komitmen Kerajaan Negeri untuk melindungi rakyat, beliau juga memberitahu





mengenai Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menangani kemelesetan dan menjana semula ekonomi, dengan meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19) menerusi 3 fasa dengan nilai keseluruhan mencecah RM155.5 juta.

Sesi penggulungan Ketua Menteri mengakhiri Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 dengan penangguhan dewan pada jam 5.30 petang. Setiap butiran sepanjang persidangan direkodkan oleh pelapor bermula sejak siri Jelajah Sidang Wanita lagi.

Semua catatan ini akan didokumentasi sebagai laporan dan dihantar ke pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Keterangkuman Gender bagi tindakan dan perhatian selanjutnya.

Ini juga menunjukkan Sidang Wanita bukan sekadar lapangan berdebat sebaliknya

kerajaan negeri mengambil serius atas setiap proses dan hasil sidang ini. Para perwakilan (peserta) juga menunjukkan komitmen cemerlang dan berperanan penting sepanjang berlangsungnya sidang ini.

Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 bukanlah pentas teater bertajuk ‘Apabila YB Bersidang’, namun tidak keterlaluan jika dikatakan para ahli yang bersidang menjawai watak dan peranan masing-masing sebagai ‘YB’.

Menjadi YB bukan sekadar perlu petah berbicara atau bijak membidas ketika berbahas, sebaliknya setiap butir percakapannya berisi dan tidak lekang daripada idea dan isu bersifat menjaga kepentingan rakyat demi kemaslahatan negeri.

Mahu tidak mahu, hakikatnya seorang YB berkhidmat untuk rakyat dan negeri perlu diterima. Jadi, anda mahu jadi YB kami?

Ucapan Inspirasi YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang menyifatkan 40 perwakilan terpilih sehingga kemuncak persidangan melalui proses pemilihan dan persaingan yang sengit telah menyukarkan jawatankuasa untuk membuat pemilihan.

Beliau yang turut mengikuti sesi perbahasan melalui *Facebook Live* berkata bahawa sidang wanita ini menjadi bukti kukuh dan nyata untuk menghapuskan stereotaip wanita tidak berminat dalam politik.

Katanya, parti-parti politik juga perlu ambil maklum tentang kewujudan ramai wanita yang berpotensi dan menunggu peluang untuk ke hadapan. Minat dan potensi mereka untuk memberi komitmen sepenuh hati dan menjaga kepentingan serta hak rakyat tidak patut disia-siakan.

Beliau mahu para wanita ini diberi peluang memimpin dari peringkat akar umbi sehingga dipilih menjadi calon dalam pilihan raya dan menganggotai Ahli Majlis atau jawatan-jawatan penting lain untuk menjadi landasan menonjolkan bakat mereka.

Jelasnya, Sidang Wanita yang julung kali diadakan itu menjadi pendekatan baru untuk wanita lebih memahami politik dan peranan wakil rakyat selain proses yang ada dalam persidangan.

Pada masa yang sama, beliau mahu isu-isu yang diutarakan dalam persidangan didokumentasikan kerana beliau mempercayai bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah benar dan relevan yang perlu diperhalusi kerajaan dan pihak bertanggungjawab.



Ucapan Penutup oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang

YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang I hadir bagi menutup program Sidang Wanita Pulau Pinang 2020. Dalam ucapan penutupnya, beliau menegaskan tugas seorang ADUN bukan sahaja berbahas di dalam dewan sebaliknya perlu menyerahkan diri kepada masyarakat.

Beliau turut menzahirkan rasa bangga dengan kejayaan pengajuran Sidang Wanita bersejarah itu yang sejajar dengan Visi Penang 2030. Visi berkenaan menekankan pemerkasaan warga Pulau Pinang demi

memperkuuh penyertaan rakyat dalam hala tuju negeri kita. Katanya, sidang ini juga memberi ruang kepada wanita mengutarakan idea dan berbahas khususnya berhubung kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita.

Tegas beliau, sidang wanita ini juga membuka mata masyarakat bahawa pemimpin wanita mampu dan siap siaga menyertai politik pada masa akan datang sekali gus berharap dapat meningkatkan perwakilan wanita sebagai pembuat keputusan sehingga 40 peratus, sejajar nisbah 40:40:20.



Perwakilan Sidang Wanita 2020

Ringkasan Profil dan Perkongsian Pengalaman

Puan Connie Tan Hooi Peng

Ketua Menteri

Portfolio : Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi

Konstituensi : N26 Padang Kota

Anak jati Pulau Pinang ini merupakan lulusan bidang Undang-Undang dari United Kingdom. Mula berkecimpung dalam politik dengan menyertai Parti Tindakan Demokratik (DAP) ketika berusia 22 tahun, sebaik sahaja menamatkan pengajian di universiti. Beliau menyertai DAP kerana ideologi dan semangat perjuangan parti untuk rakyat.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ahli Majlis bermula 2014 sewaktu berumur 24 tahun. Bagaimanapun, beliau berehat seketika untuk melanjutkan pelajaran antara tahun 2016 hingga 2017. Tamat sahaja pengajian, beliau kembali berkhidmat dengan Majlis sehingga hari ini.

Puan Connie Tan juga merupakan seorang sosial demokrat yang percaya pada kebebasan, keadilan dan solidariti. Beliau mahu memperjuangkan pelbagai isu seperti kemanusiaan, kebajikan pekerja, pembantu rumah, pendidikan, kesihatan, mental dan kesaksamaan gender. Di samping itu beliau berhasrat untuk membawa perubahan positif di Pulau Pinang dan akan terus berusaha demi rakyat yang disayangi.”



“ Terpilih menjadi Ketua Menteri sidang wanita yang pertama merupakan satu pengalaman yang istimewa dan tidak akan dilupakan. Selain teruja, saya sangat berbangga kerana setiap perwakilan memberi kerjasama yang baik dan memainkan peranan masing-masing. Setiap perwakilan menggunakan platform ini dengan penuh tanggungjawab serta bersuara demi mengangkat isu-isu rakyat dan wanita. Sidang ini pastinya telah melahirkan ‘Connie Tan’ yang baharu dengan pengalaman dan ilmu yang sangat berguna. Saya bangga bergelar alumni Sidang Wanita Pulau Pinang! ”

Puan Nor Afni Md. Yusuff

Timbalan Ketua Menteri 1

Portfolio : Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti

Konstituensi : N03 Pinang Tunggal

Pemegang ijazah Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua ini pernah mengikuti pertukaran Fulbright ke Amerika Syarikat (AS). Beliau juga berpengalaman mengajar bahasa Inggeris di kolej awam dan swasta sejak 12 tahun lalu.

Sejak di AS, beliau terlibat secara aktif dalam kegiatan sukarelawan dan meneruskan amalan ini setelah kembali ke Malaysia. Beliau berhasrat untuk memperjuangkan pelbagai isu termasuklah pertanian bandar dan pemberdayaan wanita.

Kini beliau diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).



“ Sebelum menyertai Sidang Wanita, saya fikir akan gagal dengan teruk. Namun setelah menyertai persidangan, kawan-kawan memberitahu yang saya sebenarnya berbakat. Program ini mengajar kami supaya siap siaga dan memberi reaksi segera ketika menerima soalan yang tidak dijangka semasa bersidang. Peluang berbahas di hadapan speaker DUN sebenar merupakan peluang keemasan yang bukan semua orang dapat. Ia penuh dengan pengalaman berharga yang tidak akan dilupakan! ”

Puan Kalpana Munusamy Naidu**Timbalan Ketua Menteri 2****Portfolio:** Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi**Konstituensi :** N16 Perai

Mempunyai Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Sains Malaysia dan berpengalaman sebagai *Senior Human Resource Partner* selama 18 tahun dengan syarikat antarabangsa.

Beliau juga seorang perunding dan fasilitator berpengalaman yang bekerjasama rapat dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita dan pasukan sukarelawan untuk menghapuskan keganasan terhadap wanita, kanak-kanak selain mempromosikan kesaksamaan gender. Beliau juga adalah Penggerusi Pengajur untuk Persidangan Pemerkasaan Wanita 2017 di bawah YB Puan Chong Eng.

Beliau mahu menjadi agen perubahan untuk mempromosikan kesaksamaan gender selain menghapuskan keganasan terhadap wanita. Beliau juga mahu wanita diberi kuasa dan kebebasan untuk berdikari.



“ Saya sangat menghargai usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganjurkan Sidang Wanita sebagai usaha memperkasa dan fokus dalam meningkatkan pemberdayaan wanita supaya terus relevan dan berperanan penting dalam pelbagai bidang termasuk politik. Sidang ini juga memberi peluang kepada saya menyertai sendiri proses perbahasan sebagaimana dalam Dewan Undangan Negeri yang sebenar. ”

Puan Tan Soo Siang**Portfolio :** Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam**Konstituensi :** N15 Padang Lalang

Memiliki ijazah Ekonomi dari University of Newcastle, Australia, beliau juga berpengalaman bekerja sebagai Pegawai Khas di pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Pulau Pinang.

Beliau kemudiannya berhenti kerja dan menubuhkan Pertubuhan Old Folks Village, yang merupakan sebuah pusat jagaan warga emas. Pada 2020, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hingga sekarang.



“ Menyertai Sidang Wanita merupakan peluang yang sangat berharga kerana sidang ini menghimpunkan ramai wanita daripada pelbagai latar belakang. Melalui platform ini, kami dapat menunjukkan kebolehan dan prestasi wanita sebagai pemimpin. Sesungguhnya suara wanita boleh diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. ”

Puan Fazira Ahmad Ridzuan

Portfolio : Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

Konstituensi : N29 Datok Keramat

Puan Fazira Ahmad Ridzuan merupakan lulusan dari Universiti Sains Malaysia dalam bidang Sains Komputer dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Seranta kepada YB Tuan Lee Chun Kit.

Beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Pulau Pinang dan kini merupakan Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bangkok Lane dan ahli jawatankuasa (AJK) Wanita Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang. Beliau juga merupakan Setiausaha Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) Bahagian Bukit Bendera.

Beliau mahu memperjuangkan supaya infrastruktur dan kemudahan awam bersifat mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kemudahan yang selamat untuk warga emas, wanita dan kanak-kanak.



“ Sidang Wanita memberi peluang kepada saya untuk berkenalan dengan ramai insan hebat dan berpengalaman selain mempunyai pelbagai pencapaian. Apabila bersama mereka, saya berasa bersemangat dan mahu melakukan sehabis baik. ”

Puan Siti Shahanis Md Sharif

Portfolio : Alam Sekitar & Kebajikan

Konstituensi : N07 Sungai Puyu

Merupakan lulusan Universiti Malaya dalam Ijazah Biokesihatan, beliau juga memiliki Sarjana Sains Psikologi dari Universiti Sains Malaysia. Beliau kini bekerja sebagai Pegawai Sains di sebuah hospital awam.

Beliau selalu bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk menyampaikan sumbangan kepada penduduk setempat dan membantu menyelesaikan masalah mereka.

Beliau seorang yang berani melontarkan pendapat dan berkeyakinan apabila berhadapan dengan sebarang cabaran.

Beliau mahu memperjuangkan usaha ke arah memperkasa ekonomi wanita khususnya buat mereka yang telah berkeluarga dan mempunyai kekangan untuk bekerja secara sepenuh masa. Beliau mahu memastikan wanita mempunyai sumber pendapatan walaupun bukan bekerja secara fizikal.



“ Terima kasih Kerajaan Negeri dan PWDC atas peluang yang diberikan kepada saya sebagai EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan. Program ini telah menghakis perasaan malu dan gugup saya terutama apabila berdepan dengan orang ramai. Saya berharap program ini akan dapat diteruskan dan menjadi acara tahunan. ”

Puan Noorzawani Mohamad Imran
Portfolio : Infrastruktur & Pengangkutan
Konstituensi : N22 Tanjung Bunga

Pernah mengikuti persekolahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, beliau kini sedang melanjutkan pengajian peringkat ijazah dalam bidang Komunikasi di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) secara sambilan.

Beliau merupakan Pegawai Seranta di pejabat Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang dan pernah berkhidmat sebagai sukarelawan bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) Rice & Roses yang banyak membuka matanya tentang dunia luar.

Beliau mahu kanak-kanak diberi peluang pendidikan yang sama rata dan berharap Malaysia menghapuskan sistem kuota khususnya dalam pendidikan. Beliau mahu semua kanak-kanak dan remaja mendapat akses pelajaran tanpa mengira status warganegara atau bangsa, sebaliknya kelayakan dibuat berdasarkan merit pendidikan semata-mata.



“ Sidang Wanita memberi peluang kepada saya menyuarakan fakta dan hebahan kepada rakyat mengenai usaha yang dilakukan kerajaan. Sidang ini juga membuatkan saya sedar betapa pentingnya wanita menyertai politik untuk mewujudkan polisi dan dasar yang mesra wanita, kanak-kanak dan keluarga. Suara kita, suara wanita, suara rakyat! ”

Puan Rachel Teh Chuann Yien
Portfolio : Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan
Konstituensi : N37 Batu Maung

Beliau mempunyai kelulusan dalam bidang Undang-Undang dan berpengalaman sebagai peguam selama satu tahun setengah. Beliau menyifatkan dirinya dikenali sebagai ‘bulldog’ atau individu yang degil dalam kalangan kenalan kerana akan berusaha sehingga dapat apa yang diperjuangkan.

Beliau juga bukan seorang yang suka berada dalam pejabat semata-mata. Justeru beliau banyak bergiat dalam bidang yang berbeza termasuk Pengurusan Sukan dan perniagaan. Beliau juga sudah mula memasuki bidang politik.



Impian beliau ialah mahu membantu golongan minoriti yang tersisih akibat dasar yang dibuat golongan majoriti supaya lebih inklusif dan tiada diskriminasi kepada mana-mana pihak. Selain itu, beliau berimpian untuk memperkenalkan perubahan-perubahan yang boleh mendarangkan impak positif kepada golongan komuniti.

“ Peluang menyertai Sidang Wanita sangat berharga kerana berpeluang menjadi ‘YB Sehari’. Pengalaman itu membuatkan saya sedar betapa pentingnya nilai tanggungjawab kepada rakyat selain mengotakan apa yang dijanjikan kepada mereka. Selain membuat kajian mengikut portfolio dalam masa singkat, sidang ini juga meningkatkan keyakinan saya dalam pengucapan awam. Biarkan suara anda didengar walaupun persekitaran tidak menyebelahi anda. ”

Puan Heng Yeh Shiuan

Portfolio : Pelancongan dan Ekonomi Kreatif

Konstituensi : N34 Paya Terubong

Pemegang ijazah Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Tunku Abdul Rahman ini telah dilantik sebagai Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak tahun 2016.

Beliau dilantik sebagai Naib Ketua Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) Pulau Pinang dan Ahli Jawatankuasa DAPSY Kebangsaan bagi tahun 2018 hingga 2021. Pada tahun 2020, beliau turut dilantik menjadi Bendahari Pemuda Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Harapannya, beliau mahu lebih ramai wanita terlibat sebagai pembuat keputusan sama ada dalam bidang politik atau korporat. Bagi beliau, wanita perlu terlibat dalam penggubalan dasar dan undang-undang terhadap keperluan wanita dan keluarga seperti peruntukan atau bajet serta lain-lain.



“ Sidang Wanita Pulau Pinang menyediakan platform kepada golongan wanita daripada pelbagai latar belakang supaya lebih memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Program ini juga dapat mencungkil bakat wanita dan meyakinkan wanita untuk tampil ke hadapan. Penyertaan wanita sebagai penggubal dasar dan undang-undang adalah penting dalam pembangunan negara. ”

Puan Normahani Muhamad

Portfolio : Belia dan Sukan

Konstituensi : N08 Bagan Jermal

Mempunyai Ijazah Pendidikan opsyen Biologi dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Sarjana Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM), beliau berpengalaman sebagai guru selama 32 tahun.

Selama mengajar, beliau pernah memegang jawatan Guru Kanan, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Ketua Penolong Pengarah Sains di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang. Pada 5 tahun terakhir perkhidmatan, beliau diamanahkan menjadi Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Alma, Bukit Mertajam.

Pelbagai pencapaian diperoleh termasuk terlibat dalam membina modul di peringkat daerah dan negeri, bertindak sebagai penceramah teknik menjawab soalan selain turut melonjakkan nama sekolah dalam pencapaian akademik, pengurusan dan sukan ketika menjadi pengetua.



Beliau mahu terus memperkasakan dan memajukan diri dalam segala bidang yang diceburi sekali gus mahu membantu orang lain untuk maju dan cemerlang.

“ Sejarah yang tidak dapat dilupakan apabila terpilih menyertai Sidang Wanita bersama wanita-wanita hebat yang lain. Keyakinan saya bertambah khususnya ketika berada di tengah-tengah khalayak bagi memperjuangkan hak wanita bersama yang lain. Bagi saya, program Sidang Wanita oleh PWDC ini amat berjaya dan perlu diteruskan pada masa-masa akan datang. Tahniah dan terima kasih semua. ”

Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah

Portfolio : Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

Konstituensi : N12 Penanti

Berkelulusan dalam bidang Perniagaan dan Kewangan, beliau merupakan Pengurus Wilayah *Compliance & Ethics*.

Beliau merupakan Pengurus Badan Bukan Kerajaan, NGO Persatuan Kebajikan Lingkaran Harapan, Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Tanjung Bungah, Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Desiran Tanjung serta Timbalan Ketua Angkatan Wanita Amanah Pulau Pinang.

Menyifatkan wanita perlu lebih yakin kepada kebolehan diri sendiri dan percaya yang mereka adalah setanding dengan lelaki dalam apa jua bidang dan lebih ramai wanita perlu tampil ke hadapan untuk memegang jawatan pembuat keputusan.

Beliau mahu mengecilkan jurang gender dalam pendidikan kanak-kanak perempuan khususnya mereka yang berasal daripada keluarga susah atau bermasalah. Beliau juga mahu memastikan pelajar wanita menghabiskan pendidikan asas yang ditetapkan kerajaan dan tidak dibelenggu isu eksploitasi seksual, perkahwinan dan kehamilan bawah umur serta perkahwinan paksa. Beliau juga ingin memperjuangkan supaya jumlah penglibatan wanita dalam semua peringkat pembuat keputusan ditambah.



“ Sidang Wanita telah memberi pendedahan kepada perjalanan sidang DUN. Persidangan ini memberi keyakinan bahawa saya mampu menjadi ADUN jika diberikan peluang pada pilihan raya akan datang. Sidang wanita adalah satu platform yang baik untuk mencungkil bakat wanita. ”

Puan Siti Fari Hah Zonol

Ketua Pembangkang

Konstituensi : N05 Sungai Dua

Beliau mempunyai pelbagai pengalaman dalam bidang kerjaya termasuklah menjadi ‘trainer’ dan Pegawai Sumber Manusia. Beliau juga pernah menjadi Penolong Guru Tabika Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Sebagai usaha memudahkan rakan-rakan yang berniaga, beliau kini menyediakan perkhidmatan penghantaran produk atau barang yang diniagakan kepada pelanggan.

Beliau juga aktif dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) di Kampung Baru Alma, AJK Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Padang Lalang dan kini bertindak sebagai Setiausaha MPKK Kampung Baru Alma.



Jika diberi peluang, beliau mahu memperjuangkan nasib golongan penjaja dan peniaga di pasar tani, pasar malam dan seumpamanya yang terjejas dan kurang terbelia ketika krisis Covid-19. Beliau juga mahu menghapuskan sikap rasis dalam pelbagai aspek selain memastikan tiada unsur ‘pilih kasih’ dalam pemerintahan atau perundangan.

“ Buat julung kalinya saya menerima penghargaan yang begitu besar dalam hidup saya. Justeru, dengan rasa rendah hati saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan jutaan terima kasih kepada YB Puan Chong Eng dan semua wakil rakyat serta warga PWDC kerana tanpa semua pihak ini saya tidak mampu belajar membaiki diri sebagai pembimbing yang lebih baik berbanding sebelum ini demi mereka yang memerlukan perkhidmatan saya sebagai Ahli MPKK dan JPWK. ”

Puan Jamilah Begam Mohamad Nagorgani
Konstituensi : N01 Penaga

Pemegang Diploma Perakaunan ini merupakan suri rumah yang turut memiliki teksi dan melakukan kerja sambilan sebagai pemandu pelancong. Beliau kini adalah Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak.

Mendapat sokongan penuh daripada suami dan 3 anak, beliau sering terlibat dalam aktiviti komuniti dan kesukarelawan termasuk menjadi pemudah cara dan membantu wakil rakyat untuk melakukan aktiviti dan mengagihkan bantuan kepada golongan sasar.

Dalam politik pula, beliau juga terlibat sebagai sukarelawan dan tenaga belakang tabir atau penggerak parti setiap kali ada aktiviti parti atau pada pilihan raya.

Beliau menyifatkan penglibatan wanita sebagai calon pilihan raya atau wakil rakyat menepati asas masalah negara. Ia membolehkan wanita mewakili wanita untuk mengemukakan pandangan dan idea bernes bagi mempertahankan dan menghindarkan urusan kewanitaan dimonopoli.

Beliau juga mahu merancang dan melaksana pelan pembangunan dengan penglibatan komuniti setempat menggunakan pendekatan ‘bottom up approach’ ke arah mewujudkan komuniti yang maju, makmur dan sejahtera.

“ Saya amat menghargai peluang dan terpilih sebagai perwakilan Sidang Wanita. Ia memberi aspirasi untuk melibatkan diri dalam politik dan mewarisi kepimpinan yang boleh dijadikan teladan. ”



Puan Khew Ee Hung
Konstituensi : N02 Bertam

Mengkhususkan diri dalam *Environmental Geographical Information System* (GIS), beliau telah bekerja sebagai Juruteknik GIS dan pensyarah sambilan di Universiti Rakuno Gakuen sejak tahun 2017.

Dengan pengalaman belajar dan bekerja di luar negara, beliau mempunyai pelbagai pengalaman antarabangsa dalam belajar, bekerja, berkoordinasi dan juga mengajar orang asing dari pelbagai negara seperti Jepun, China dan Kepulauan Solomon.

Beliau juga seorang penterjemah bebas, terutamanya melibatkan bahasa Cina ke bahasa Inggeris. Beliau kini menyertai organisasi seperti *Junior Chamber International* dan *Penang Women Chamber of Commerce* untuk bertemu, menimba pengalaman dan pengetahuan baharu, terutamanya mengenai perniagaan.



“ Saya memang tidak menyesal kerana program ini benar-benar membuka mata saya apabila berpeluang menjalani kehidupan dan berperanan sebagai wakil rakyat. Sebenarnya, saya sangat terharu dan terinspirasi dengan ramai peserta dan pengajur program ini. Saya juga bangga kerana Pulau Pinang mempunyai ahli politik hebat yang berusaha melakukan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih! ”

Puan Noor Zamzuraida Noordin
Konstituensi : N04 Permatang Berangan

Beliau mempunyai kelulusan dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari Kolej Wawasan Putra SEMEO-RESCAM.

Beliau bergiat aktif dalam Briged Wanita, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Koperasi. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Wanita Keadilan Negeri Pulau Pinang dan SUP Cabang Balik Pulau.

Beliau menyifatkan penglibatannya dalam politik dapat membantu semua pihak termasuk wanita supaya berani tampil ke hadapan bagi mengupayakan bakat kepimpinan.

Beliau mahu memperjuangkan ideologi yang bersifat mesra dan berkebajikan. Jika diangkat sebagai Wanita Terbaik Pulau Pinang, beliau mahu menyuarakan reformasi dalam semua aspek untuk memastikan keadilan buat semua.

“ Platform Sidang Wanita memberi saya peluang menjadi ‘YB Sehari’. Mengupayakan kepimpinan, menjadi contoh kepada wanita dalam komuniti. Saya begitu berbangga dapat menjadi salah seorang daripada 40 yang telah dipilih. Program terbaik ini perlu dilaksanakan secara tahunan pada setiap kali berakhir Sidang DUN sebenar. ”



Puan Nurul Aina Jamaluddin
Konstituensi : N06 Telok Ayer Tawar

Beliau merupakan seorang mahasiswa Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dari Universiti Malaysia Pahang.

Beliau banyak melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawan malah turut mewakili Malaysia bagi Persidangan Belia ASEAN. Beliau juga bergiat aktif dalam Puteri UMNO dan merupakan penggerak UMNO SISWI yang banyak mengetengahkan isu-isu semasa berkaitan wanita di universiti.

Beliau berharap suara wanita lebih didengari selain diberi peluang untuk memikul jawatan dalam tampuk kepimpinan. Jika diberi peluang, beliau mahu memperjuangkan isu kesaksamaan gender kerana baginya, martabat wanita perlu diangkat lebih tinggi selain menghapuskan stigma wanita hanya duduk di rumah untuk memasak.



“ Sidang wanita memberi kefahaman tentang selok belok DUN, memberi lebih keyakinan untuk melontarkan pendapat dan idea dalam sesuatu perkara. Saya berharap sidang ini dapat diteruskan malah mungkin boleh dijadikan sebagai jawatan tetap sepermulaan ADUN Belia di negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu. Jadi, dengan cara ini suara wanita dapat dibawa ke atas bukan sekadar simulasi. ”

Puan Noor Azuawati Ahmad
Konstituensi : N09 Bagan Dalam

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Sistem Maklumat dari Universiti Tenaga Nasional.

Pernah bekerja sebagai Eksekutif Pentadbiran pada 2010 sebelum menjadi tenaga pengajar di *Rohingya Education Centre (REC)* manakala pada 2019, beliau bertugas sebagai Penyelaras Menengah di pusat yang sama.

Beliau juga berkhidmat di Pusat Khidmat YB Hajah Dr Norlela Ariffin sebagai Pegawai Seranta pada 2015-2018. Pada Julai 2020, beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).



“ Sebelum ini saya kurang berkeyakinan untuk bercakap di tempat awam. Saya berpeluang membangkitkan isu setempat, menyuarakan suara rakyat dan memberi cadangan penambahbaikan sama sepertimana seorang YB lakukan. Pengalaman membuat soalan bertulis dan lisan sebelum bersidang juga mencabar. Saya harap program ini diteruskan pada setiap tahun. ”

Puan Goh Siew Kim
Konstituensi : N10 Seberang Jaya

Lulusan Sains Komputer dan Statistik dari University Dalhousie, Kanada ini kini terlibat dalam pengurusan acara dan perkahwinan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk sistem pencahayaan dan bunyi, dekorasi dan hadiah.

Beliau pernah disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records*, Karnival Makanan Amal. Lebih 70 gerai yang menyertai program amal tersebut menerima usul dan jemputan daripadanya.

Beliau berharap lebih ramai wanita melangkah ke hadapan untuk bersuara dan bagi tujuan tersebut tegasnya, wanita perlu diberi peluang ke arah itu.



“ Program Sidang Wanita membuatkan saya lebih bersemangat untuk bersuara apabila berdepan isu kesaksamaan gender. Mungkin kerja-kerja yang sedia ada atau projek semasa boleh diberi keutamaan kepada kita atau golongan yang terpilih untuk mencungkil dan mengasah bakat. Program ini memang memberi manfaat besar kepada kami yang terpilih. Kita seakan berada dalam situasi sebenar dan membuat persiapan untuk masa depan. ”

Puan Siti Humaira Mohamed Yasin
Konstituensi : N11 Permatang Pasir

Beliau merupakan graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam jurusan Komunikasi yang memperoleh ijazah dengan kelas pertama.

Beliau merupakan pelatih di Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) ketika menyertai Sidang Wanita dan kini bekerja di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) KOMTAR.

Beliau menggunakan sebaik mungkin ilmu, perkongsian dan pengalaman yang diperoleh sepanjang belajar dan bertugas di empat lagi Pusat Khidmat ADUN di Pulau Pinang.

Beliau berharap satu hari nanti wajahnya akan terpapar di skrin besar Dewan Undangan Negeri (DUN) lagi untuk Sidang Wanita 2021. Beliau juga mahu mengajak lebih ramai wanita untuk menyertai sidang wanita akan datang.



“ Saya bersyukur kerana menjadi salah seorang yang terpilih. Pada awalnya, saya berasa kurang yakin untuk berbahas di DUN kerana para peserta bukan calang-calang orangnya. Namun, sebaik selesai berbahas, saya rasa diri mampu untuk bersuara di hadapan 40 wanita hebat yang lain dan sudah tentu kemahiran komunikasi juga dapat diperbaiki. Keseluruhananya, program ini mampu mencari pelapis pemimpin wanita di Pulau Pinang untuk masa hadapan. ”

Satu Penghargaan

Puan Ks. Pakyalakshmi Subramanian
Konstituensi: N13 Berapit

Beliau merupakan Pengurus Badan Bukan Kerajaan (NGO) Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang yang giat menjalankan program memperkasa wanita dan keluarga melalui pendidikan kemahiran.

Dalam tempoh 9 tahun, pertubuhan ini berjaya berjaya melaksanakan 186 program di seluruh Pulau Pinang dan Kedah dalam usaha melahirkan wanita yang berdaya saing dalam bidang keusahawanan dengan mengaplikasikan kemahiran dipelajari termasuk jahitan, masakan, pembuatan aksesori dan kemahiran-kemahiran lain yang boleh menjana pendapatan. Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang turut membimbing para peserta untuk memulakan perniagaan.



Beliau bersama NGO berkenaan mahu mengubah destinasi dan hala tuju wanita melalui pendidikan kemahiran yang menjadi visi pertubuhan itu. Melalui kemahiran, wanita boleh menjana pendapatan sekali gus dapat mengubah kehidupan.

“ Melalui NGO Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang, saya menyertai sidang ini yang mengajar dan memberi pengalaman baharu termasuk aspek politik yang tidak pernah saya sertai sebelum ini. Saya berpeluang mendalmami tugas dan tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat sekali gus mengajar saya bagaimana untuk menjadi pemimpin masyarakat yang berkualiti. ”

Puan Nurliyana Mohd Ramzi
Konstituensi : N14 Machang Bubok

Lulusan bidang Syariah Undang-Undang ini kini bekerja sebagai Pegawai Seranta, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) N38, Bayan Lepas.

Beliau juga pernah memegang jawatan Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 2018-2019. Pengalamannya terlibat dalam program komuniti membuatkan beliau mempunyai ramai kenalan. Beliau sebelum ini merupakan seorang yang pendiam dan tidak berani untuk bersuara.

Dalam Sidang Wanita, beliau telah memperjuangkan mengenai isu penyertaan dan kuota 30% wanita dalam pembuat dasar. Jelasnya bagi mencapai hasrat itu, wanita perlu berani dan tidak mudah berputus asa untuk mencapai impian. Jika diberi peluang, beliau juga mahu membawa isu hak wanita dalam aspek kekeluargaan.



“Program Sidang Wanita mengubah diri saya yang sebelum ini tidak berani bersuara, kini mampu bersuara dan malah kini saya sedar yang diri ada potensi itu. Bagi saya, sidang ini sangat bagus kerana memberi peluang kepada wanita untuk mengenal potensi diri selain mencungkil bakat wanita khususnya golongan muda. ”

Puan Cherish Chee Lye Yung
Konstituensi: N17 Bukit Tengah

Merupakan graduan dalam bidang Industri Kimia dari Universiti Malaysia Sabah. Beliau pernah bertugas sebagai pembantu ahli farmasi sebelum menceburinya ke bidang kewangan dan pendidikan.

Beliau juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dan kini bertugas sebagai Pegawai Khas kepada EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Beliau sentiasa bersemangat dalam berusaha untuk memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan selain memastikan semua janji dikotakan.



“Sidang Wanita memberi peluang kepada wanita untuk membawa cadangan ke dalam dewan. Terdapat banyak cadangan yang agak baik telah dibentang dan ini membuktikan kebolehan dan kewibawaan wanita-wanita. Saya bersyukur kerana dapat menyertai sidang ini buat pertama kali. ”

Puan Aiman Fashehah Ahmad
Konstituensi: N18 Bukit Tambun

Merupakan graduan dalam bidang Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kini bekerja dalam bidang Pengurusan.

Beliau adalah seorang yang berpegang kepada prinsip ‘matlamat tidak menghalalkan cara’.

Beliau tidak mahu berpaling ke belakang, sebaliknya akan terus melangkah untuk mencapai segala impian. Paling penting baginya, beliau mahu kehadirannya memberi impak positif kepada orang sekeliling.



“ Sidang Wanita membuka minda dan memberi gambaran sebenar, realiti dan tanggungjawab sebagai orang yang diamanahkan oleh rakyat untuk membawa suara, masalah dan pandangan kepada pihak atasan untuk didengar dan diteliti sebelum diselesaikan dengan mengambil kira pelbagai aspek tanpa ada yang tercicir. Sidang Wanita juga memberi ruang dan peluang kepada saya untuk belajar tentang dunia politik dari segi pemikiran, percakapan dan perbuatan. ”

Puan Kaliammal R Santharen
Konstituensi: N19 Jawi

Mempunyai Sarjana Perakaunan dari Universiti Sains Malaysia, beliau merupakan seorang akauntan yang pernah bekerja dengan pelbagai syarikat multinasional di Pulau Pinang dan Kedah. Beliau turut menceburkan diri dalam perniagaan dan pelaburan.

Beliau juga suka menyuarakan tentang isu kesihatan diri wanita yang perlu dijaga, mentaliti yang terbuka, keberanian bermula serta keperluan mempelajari kemahiran boleh membantu wanita untuk berdaya saing.

Beliau berharap lebih ramai wanita melibatkan diri dalam dunia pelaburan dan perniagaan kerana boleh membantu meningkatkan ekonomi keluarga dan diri sendiri sekali gus dapat membantu mereka terutama ketika sangat memerlukan tanpa perlu mengharapkan orang lain untuk perbelanjaan harian. Beliau juga sanggup membantu dan memberi khidmat kepada masyarakat sekeliling selagi termampu.



“ Saya adalah seorang introvert dan semasa berada dalam persidangan, saya sedar akan tanggungjawab berat yang harus dilakukan dengan teliti dan penuh yakin. Saya sangat mengalu-alukan program ini kerana ia bermanfaat kepada wanita lain. ”

Puan Zuraini Mat Zain
Konstituensi : N20 Sungai Bakap

Anak jati Pulau Pinang ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Mertajam sebelum melanjutkan pengajian ke universiti. Selain minat membaca, menulis, melancong dan berkebun, beliau gemar melakukan aktiviti kemasyarakatan dan membantu wanita ke arah memperkasakan diri.

Beliau pernah menyertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tasek Junjung, Women's Centre for Change (WCC) dan PEKA (Guru Tuisyen Rakyat). Kini beliau memegang jawatan Setiausaha Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR) cabang Bukit Mertajam dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Machang Bubuk.

Beliau menyuarakan komitmen untuk terus menyumbang bakti sebaik mungkin kepada masyarakat. Menurutnya, wanita perlu sedar bahawa mereka mampu membawa perubahan positif ke arah kesejahteraan negara.



“ Sebelum ini, fokus saya hanya menguruskan keluarga. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menyediakan peluang untuk saya memperkasakan diri. Sekarang, saya lebih berkeyakinan untuk bersuara dan memimpin. Wanita perlu bersatu serta berusaha meneroka potensi diri demi mencapai apa yang dihajati. Saya berpendapat program ini perlu diperluas supaya lebih ramai wanita dapat menyertainya. ”

Puan Che Farah Che Roslan
Konstituensi: N21 Sungai Acheh

Mempunyai Sijil Kemahiran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), beliau merupakan seorang Eksekutif Pasaraya MAKRO TESCO & GIANT.

Beliau aktif dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO) Muafakat Rakyat Pulau Pinang, Penyelaras Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Parlimen Bayan Baru dan Ahli Lembaga Kesihatan Hospital Pulau Pinang pada 2020.

Beliau berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) manakala dalam politik, beliau merupakan Ketua Srikandi Bayan Baru dan Timbalan Srikandi Pulau Pinang pada 2020.

Beliau berharap agar dapat membantu semua wanita, warga emas serta keluarga yang memerlukan bantuan dari segi makanan dan kewangan bagi meringankan beban mereka. Ia sekali gus dapat memastikan mereka menerima manfaat keperluan asas.



“ Sidang Wanita membuatkan saya lebih semangat untuk terus memberi bantuan kepada wanita di luar sana. Ramai wanita yang masih mencari saluran agar mereka dapat bantuan serta mengikuti program-program wanita. Dengan adanya Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), masa depan wanita di luar sana lebih cerah dan terbela. ”

Puan Dzullijah Ibrahim
Konstituensi: N23 Air Putih

Ibu kepada tiga anak lelaki ini merupakan pemegang Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Sains Malaysia pada 2010.

Beliau juga pernah bekerja di SONY TV, Bangi, Selangor

Beliau yang berasal dari Port Dickson, Negeri Sembilan ini kini menetap di Pulau Pinang sejak tahun 2000.

Beliau merupakan seorang pensyarah dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan di UiTM Permatang Pauh.



“ Oleh kerana bidang yang saya ceburi ini adalah bidang yang didominasi oleh lelaki, maka saya harapkan agar lebih ramai wanita akan menceburi bidang ini. ”

Puan Salmah Jaffar
Konstituensi: N24 Kebun Bunga

Beliau adalah penerima anugerah Wanita Inspirasi Siyasah 2018 (NGO IKRAM) dan merupakan seorang guru Al-Quran sepenuh masa. Beliau juga penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dari Negeri Pulau Pinang dalam politik.

Menurut beliau, semua pihak perlu cakna serta memperkasakan golongan wanita dari aspek sosial dan kerohanian.



“ Persidangan ini amat baik kerana ia memberi peluang kepada wanita untuk bersuara, memberi pandangan, serta memperkasakan wanita. Ia sesuatu yang membanggakan kerana julung kali dilaksana. Program ini membuka mata wanita bahawa wanita juga mempunyai hak dalam sosial, politik dan juga ekonomi. Saya berharap program ini diteruskan pada masa akan datang. ”

Puan Nur Hasanah Ahmad Akhir
Konstituensi: N25 Pulau Tikus

Merupakan graduan Sains Politik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sejak remaja, beliau berminat dalam bidang hak asasi manusia. Kerana minat, beliau memulakan kerjayanya di United Nation University pada 2011 sebelum bekerja di *Women's Centre for Change* (WCC) 2013.

Beliau dipilih sebagai salah seorang *Cleo Hot Shot* dalam Kategori *Fighter* pada 2017.

Sepanjang kerjaya, beliau banyak didedahkan dengan pelbagai pengalaman termasuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dalam keganasan terhadap wanita bagi mengharungi proses ‘pengadilan’ bermula daripada membuat laporan sehingga perbicaraan di mahkamah.

Beliau banyak menjalankan latihan, ceramah dan program kesedaran dan pencegahan untuk semua peringkat umur.

Beliau berharap perjuangan yang dilakukan sedikit sebanyak akan memberi impak kepada golongan muda selain mahu memperkasa golongan wanita muda supaya lebih mengenal potensi diri.



“Sebagai graduan dalam Sains Politik, pengalaman ini sangat berharga kerana mengalami sendiri proses persidangan yang dipelajari di universiti. Ia bukan sahaja memberi peluang untuk bersuara tapi membuktikan jika wanita diberi peluang, mereka boleh berkhidmat dan menunjukkan kebolehan serta potensi yang sebenar. ”

Puan Wan Nor Hassan
Konstituensi: N27 Pengkalan Kota

Berasal daripada keluarga yang besar, beliau merupakan lulusan dalam bidang Perubatan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan pernah berkhidmat di Hospital Pulau Pinang, Hospital Butterworth dan Hospital Kangar.

Beliau membuka klinik sendiri pada 1993 hingga 2008 sebelum bertugas di USM sehingga penceran pada 2018.

Beliau mula aktif dalam bidang politik setelah menyertai Parti Amanah Negara dari tahun 2015. Beliau kini memegang jawatan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua dan juga menjadi Ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Nyior Sebatang.



“Pengalaman saya bertugas sebagai seorang doktor perubatan sangat menguji ketahanan mental dan fizikal. Tugas yang berat dan tidak mengira masa melatih saya untuk tabah, berani dan cekal. Dalam bidang khidmat masyarakat dan politik pengalaman menyantuni mangsa banjir, mangsa ribut, mangsa kebakaran dan lain-lain, mengajar kita betapa masyarakat sangat memerlukan khidmat pemimpin yang berdedikasi dan berintegriti. ”

Puan Saidatul Nadzirah Saidin
Konstituensi: N28 KOMTAR

Mempunyai pelbagai kelulusan termasuk dalam Logistik dan Pengurusan, Pentadbiran Perniagaan dan Pengurusan Perniagaan, beliau kini merupakan seorang Pengurus Syarikat.

Beliau pernah menyuarakan hak bermiaga semasa menghadapi pandemik COVID-19 bagi pengusaha perkahwinan dan pengurus acara majlis selain membawa isu wanita.

Beliau mahu membawa suara wanita supaya lebih didengari di samping membantu golongan itu dan kanak-kanak yang memerlukan.



“ Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana telah memberi peluang untuk saya terlibat dalam sidang yang sangat bermakna ini. Saya berharap pihak PWDC akan memberi lebih banyak peluang kepada saya untuk membantu wanita dan kanak-kanak. ”

Puan Kristine Leong Phui Kwan
Konstituensi: N30 Sungai Pinang

Beliau adalah pemegang ijazah Sains jurusan Fizik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan sarjana dari University of Lincolnshire, United Kingdom.

Merupakan usahawan dalam bidang penjenamaan dan pengiklanan lebih 10 tahun. Beliau juga pernah bekerja di syarikat multinasional di bahagian pembangunan perniagaan dan bahagian pembelian selama 8 tahun.

Pernah menjadi Ahli Jawatankuasa (AJK) untuk *Women Biz SENSE* selama 10 tahun selain Setiausaha dan Naib Penggerusi Persatuan Peniaga Wanita Pulau Pinang (PWCC). Kini beliau memegang jawatan Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Seri Delima.

Beliau mahu membantu lebih banyak wanita dalam perniagaan selain berharap mereka lebih gigih dan kuat supaya tidak menjadi beban kepada suami dan keluarga. Beliau mahukan kesaksamaan dari segi gender, bangsa dan etnik. Menurut beliau, hatinya sentiasa membara untuk memperjuangkan isu keganasan rumah tangga dan gangguan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak.



“ Saya tiada pengalaman dalam bidang politik. Sidang Wanita 2020 membuka mata dan hati saya bahawa betapa pentingnya penyertaan wanita dalam bidang politik. Saya berasa bertuah kerana dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang. Sidang Wanita harus diadakan setiap tahun bagi mendapat lebih banyak wanita menyertai bidang politik. ”

Puan Mandy Leow Zhia Hooi
Konstituensi: N31 Batu Lancang

Merupakan lulusan ijazah Sains Pembangunan Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau percaya bahawa setiap insan perlu diberikan hak yang sama rata tanpa mengira jantina, bangsa dan warna kulit.

Jelasnya, persekitaran pembangunan kendiri banyak memberi pendedahan, pengalaman dan latihan sebagai wakil rakyat untuk membentuk wanita bagi menjadi pemimpin. Mereka akan berani tampil ke depan untuk menyahut cabaran sebagai seorang pemimpin.

Berpegang kepada prinsip ‘Usaha Tangga Kejayaan’, beliau menyeru golongan wanita untuk bersama-sama mencapai matlamat dan tidak mudah berputus asa jika dihalang oleh ‘glass ceiling effect’ !”



“ Sebelum menyertai program Sidang Wanita, saya kurang yakin dengan penggunaan Bahasa Malaysia. Melalui program ini, penguasaan Bahasa Malaysia saya semakin baik selain permahaman tentang proses pilihan raya di Malaysia juga semakin bertambah. Sidang Wanita telah memberi pendedahan tentang cabaran sebagai pemimpin wanita serta usaha yang telah disumbangkan mereka bagi mencapai kejayaan. ”

Puan Berine Loo Gaik Sim
Konstituensi: N32 Seri Delima

Berasal dari Bukit Mertajam, ibu kepada tiga orang anak ini mendapat tempat pertama ketika menyertai pertandingan kecantikan, *Mrs. Global United International* pada 2015.

Selepas itu, beliau banyak melakukan kerja-kerja amal dan aktiviti melibatkan wanita. Jelasnya, beliau mendapat sokongan penuh daripada suami untuk bergiat aktif dan mengembangkan prestasi diri sekali gus mahu menjadi contoh kepada anak-anak.

Beliau mahu menyampaikan mesej kepada semua wanita bahawa setiap impian boleh dicapai tanpa mengira di mana seseorang itu berada. Baginya, ‘Tiada Yang Mustahil’.



“ Melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) saya berpeluang mengenali Sidang Wanita. ‘Wanita mengurus hal ehwal negara’ masih lagi sesuatu yang baharu. Tetapi saya percaya, pendedahan ini mesti bermula daripada keluarga. Banyak manfaat yang diperoleh sepanjang menyertai sidang ini terutamanya menjunjung tinggi konsep ‘Women Power’. ”

Puan Maimun Banu Mohd Hussin**Konstituensi:** N33 Air Itam

Merupakan Pegawai Akaun di sebuah firma guaman. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK). Sepanjang berkhidmat di JPWK, beliau bertemu ramai wanita yang terlibat dalam pergolakan rumah tangga.

Bagi beliau, umur dan status bukan alasan untuk memperjuangkan hak dan identiti diri sebaliknya kecekalan hati dan pemikiran sudah cukup untuk memajukan diri.

Beliau mahu berkhidmat untuk wanita khususnya dalam usaha memberi inspirasi kepada mereka yang berpendidikan rendah supaya memajukan diri.



“ Saya bangga dapat menjadi sebahagian daripada peserta Sidang Wanita. Sidang ini mengajar kami supaya tidak teragak-agak untuk menyuarakan pendapat atau mempersoalkan sesuatu perkara jika ada kemosyikilan kerana tidak ada betul atau salah ketika bersuara. Lahirnya wanita bukan untuk berundur atau berhenti tetapi untuk melangkah menuju kejayaan. Program ini membantu wanita mengenali diri wanita. ”

Puan Syahifah Hawa Zamzuri**Konstituensi:** N35 Batu Uban

Merupakan anak laut yang memulakan kerjaya sebagai nelayan bermula 2010 dan memasarkan sendiri hasil tangkapannya. Wanita ini berazam mahu menjadi usahawan berjaya.

Beliau banyak menceburi program berunsur khidmat komuniti dan perjuangan dalam sektor perikanan. Beliau juga menyertai politik namun berperanan sebagai pasukan barisan belakang.

Selain ingin menjadi usahawan berjaya, beliau mahu menjadi pemimpin wanita yang disukai dan dihormati serta bertindak sebagai tulang belakang kepada keluarga. Beliau mahu wanita terus bangkit tanpa rasa diri didiskriminasi. Wanita ini juga mahu memperjuangkan kemajuan masyarakat tempatan sekali gus merangsang kemajuan negeri.



“ Sebelum berkenalan dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan programnya, saya hanya dikenali sebagai nelayan wanita biasa yang memperjuangkan pembangunan wanita dan komuniti setempat. Namun kini, saya lebih aktif, nama juga semakin dikenali malah perjuangan semakin dipermudahkan. Paling penting, bakat dan potensi sebagai pemimpin semakin menyerlah. ”

Puan Goh Huey Ee
Konstituensi: N36 Pantai Jerejak

Meskipun hanya menamatkan pengajian pada peringkat sekolah menengah, beliau menjalankan perniagaan bengkel kenderaan sendiri malah berpengalaman 11 tahun dalam aktiviti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan membantu individu memerlukan.

Beliau seorang yang suka melibatkan diri dalam perkara yang mencabar diri sendiri dan sentiasa mahu mencari peluang terbaik untuk diri.

Beliau mahu membawa isu wanita dan kanak-kanak supaya perjalanan kedua-dua golongan ini lebih hebat dan holistik melalui penubuhan NGO yang akan menjadi perantara dan memperhebat kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, kerajaan dan agensi terlibat. Ini sekali gus dapat menyelesaikan apa jua masalah khususnya melibatkan golongan wanita, anak-anak dan keluarga.

Ketika persidangan, beliau sedang mengandung tujuh bulan. Beliau telah membuktikan kemampuan wanita melaksanakan tanggungjawab dan kehamilan bukan penghalang.



“Sebelum ini saya tidak mempunyai sebarang idea tentang politik, namun Sidang Wanita telah mengubah situasi ini. Saya mula nampak betapa pentingnya kami menyertai politik demi mengangkat kedudukan wanita dalam masyarakat. Program ini harus diteruskan supaya memberi manfaat kepada lebih ramai wanita untuk berkecimpung dalam politik. ”

Puan Tan Teen Choo
Konstituensi: N38 Bayan Lepas

Seorang guru tadika yang menceburi bidang pendidikan sejak tahun 2001 dan merupakan penerima Anugerah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Gabenor Pulau Pinang pada 2019.

Mula aktif dalam politik dan program komuniti sejak 2015. Beliau adalah bekas Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Uban, Ahli Jawatankuasa (AJK) Wanita Cabang Bayan Baru Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Ahli JPWK DUN Batu Uban.

Berharap dapat berkhidmat untuk rakyat, beliau mahu lebih ramai wanita tampil melibatkan diri dalam pembangunan sosial dan politik supaya suara mereka lebih didengar. Beliau juga mahu memperjuangkan isu kesaksamaan gender dan keadilan rakyat, hak-hak wanita dan kanak-kanak.



“Sebelum ini saya banyak aktif dalam program komuniti. Selepas menyertai Sidang Wanita, saya rasa lebih bersemangat malah berjaya mencungkil potensi diri. Program ini sangat membantu kerana berjaya melahirkan bakal-bakal wakil rakyat. ”

Puan Kang Eu Siah
Konstituensi: N39 Pulau Betong

Mempunyai pengalaman membanggakan dalam bidang Insurans dan mencapai sasaran jualan yang ditetapkan.

Bagaimanapun beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa pada 2014. Peluang ini digunakan untuk menguruskan keluarga selain turut membantu anak-anak daripada ‘keluarga tunggal’ dalam bidang pelajaran.

Kecenderungannya itu menyebabkan beliau dilantik sebagai Pengurus Wanita pertama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Barat Daya.

Beliau berharap dapat meningkatkan bantuan peralatan dan kemahiran untuk membantu ibu tunggal supaya boleh menghasilkan produk sendiri untuk dipasarkan seterusnya dapat mengubah taraf hidup golongan ini.



“Saya tidak pernah terfikir boleh menjadi ‘YB Sehari’. Program ini memperkasakan kemampuan diri selain turut memperbaiki penguasaan Bahasa Malaysia saya. Saya berharap Sidang Wanita dijadikan program tahunan untuk memperkasakan lebih banyak wanita dalam bidang politik. **”**

Puan Marina Mohd Noor
Konstituensi: N40 Telok Bahang

Pemegang ijazah Komunikasi dari Universiti Sains Malaysia (USM) ini berpengalaman 18 tahun dalam bidang Perniagaan dengan mengurus syarikat sendiri, Mutiara Saga Enterprise.


Beliau merupakan satu-satunya anak perempuan dalam keluarga.

Beliau mula menceburi politik dengan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan dipilih menyertai Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Kawasan Ahli Dewan Undang Negeri (KADUN) Pulau Betong.

Berharap untuk terus bersemangat dalam berkhidmat kepada JPWK, beliau mahu menjadi pendorong untuk bersama-sama JPWK dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di KADUN Pulau Betong menyantuni, merealisasikan dan melestarikan agenda untuk pembangunan wanita setempat.




“Sebelum menyertai program ini, saya hanya memfokuskan pada kehidupan saya semata-mata. Selepas menyertai program ini, saya lebih mengambil peduli hal-hal sekeliling, bergaul sesama Ahli JPWK, MPKK dan prihatin akan hal masyarakat setempat. Oleh kerana saya terpilih menjadi YB Teluk Bahang, saya memilih menyuarakan isu nelayan kerana mereka terdiri daripada seribu lebih ahli persatuan termasuk kaum wanita, yang pada hemat saya adalah satu jumlah yang besar dan berbaloi untuk saya bahaskan. **”**




Carta Tempat Duduk Sidang Wanita Pulau Pinang 2020

Statistik Peserta Sidang Wanita


Pekerjaan	Awam	Swasta	Tidak Bekerja	Suri Rumah	Pelajar	Total
Peserta	17	17	1	4	1	40



Umur	<18	19 - 35	36 - 50	51 - 65	>65	Total
Peserta	0	19	17	4	0	40




Etnik	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Total
Peserta	22	14	3	1	40



Jawatankuasa Sidang Wanita 2020

& Sekretariat



Sekalung Penghargaan

- YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang
- YB Dato' IR. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri
- YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
- YB Dr. Amar Pritpal bin Abdullah, Timbalan Yang di-Pertua DUN
- YB Puan Chong Eng, EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam
- YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin, EXCO Agroteknologi & Keselamatan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan
- YB Puan Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang
- YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid, ADUN Seri Delima
- YB Puan Heng Lee Lee, ADUN Berapit
- YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen, ADUN Pengkalan Kota
- YB Tuan Chris Lee Chun Kit, ADUN Pulau Tikus
- YB Tuan Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun
- YB Tuan Hj Mohd Tuah bin Ismail, ADUN Pulau Betong
- YB Tuan Joseph Ng Soon Siang, ADUN Air Itam
- YB Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad, ADUN Telok Ayer Tawar
- YB Puan Kasthuriraaniraani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan
- YB Tuan Hj Muhammad Bakthiar bin Wan Chik, Ahli Parlimen Balik Pulau
- YB Puan Nurul Izzah binti Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh
- YB Senator Puan Lim Hui Ying, Ahli Dewan Negara
- YB Puan Kamache Doray Rajoo, ADUN Sabai
- YB Senator Puan Aimah Athirah Al Jundi, Ahli Dewan Negara
- YBhg Dato' Rohana Abdul Ghani, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBhg Dato' Dr Florance Sinniah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBrs Puan Nurfarah Zafirah Foo Abdullah, Ahli Lembaga Pengarah PWDC
- YBrs Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC

Agenda Pemerkaaan Wanita di Pulau Pinang

Inisiatif-Inisiatif Kerajaan Negeri ke Arah Kesaksamaan Gender dan Keadilan Sosial

1. Polisi dan Dasar Kerajaan Negeri

- Dasar Keterangkuman Gender
- Dasar Keluarga Selamat
- Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak
- 30 % Perwakilan Wanita
 - Ahli Majlis
 - Lembaga Pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri
 - Majlis Pengurusan Komuniti Kampung



3. Program dan Platfrom Pemerkaaan Wanita

- Sidang Wanita Pulau Pinang
- Bengkel Pembangunan Kepimpinan Wanita
- Wanita Jana Rezeki
- Penang Women Entrepreneur Mentoring Program

2. Struktur dan Mekanisma

- Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)



4. Kempen

4. Kempen

- Sambutan Hari Wanita Sedunia
- Sambutan Hari Pekerja
- Sambutan Hari Keluarga
- Penang Goes Orange





VISI

PWDC menggagaskan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang memegang kepada amalan kesaksamaan substantif antara wanita dan lelaki, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial.



MISI

PWDC berusaha untuk mengarusperdanakan gender ke dalam polisi utama, program dan amalan sektor awam dan untuk mengubah struktur dan budaya melalui advokasi, pembangunan kapasiti dan perkongsian strategik dengan pelbagai sektor masyarakat.



OBJEKTIF

1. Memberi sokongan kepada kapasiti kerajaan negeri dan tempatan dalam usaha mengintegrasikan perspektif gender dalam polisi, program dan amalan.
2. Memantapkan kepimpinan dan peranan wanita serta meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.
3. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.



Penang Women's Development Corporation

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

- ✉ Tingkat 47, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang, Malaysia
- 📞 +604 261 2835 / 261 5261
- 📠 +604 261 2839
- ✉ wel@pwdc.org.my
- 🌐 www.pwdc.org.my

